



PARLIMEN MALAYSIA

JABATAN KERJA RAYA

**- Projek Naik Taraf dan Baik Pulih Bangunan
Parlimen Malaysia**



PROJEK NAIK TARAF DAN BAIK PULIH BANGUNAN PARLIMEN MALAYSIA


JABATAN PERDANA MENTERI
PARLIMEN MALAYSIA
JABATAN KERJA RAYA



RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan projek adalah **memuaskan** mengambil kira pelaksanaan projek melewati tempoh siap yang sepatutnya, peningkatan kos siling projek & kelemahan tadbir urus dalam pembangunan sistem ICT.

PENCAPAIAN OUTPUT




PRESTASI KEWANGAN

KOS SILING ASAL RM520.0 JUTA



TERKINI
RM626.1 JUTA

74.8% Sejumlah **RM468.45 juta** dibelanjakan bagi semua fasa sehingga 31 Dis. 2021:



PENCAPAIAN KEBERHASILAN



Masih Belum Dapat Dinilai Sepenuhnya

KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN



63.6% Responden Sangat Berpuas hati & Berpuas Hati

CIRI-CIRI WARISAN



- Reka bentuk fasad baharu dikekalkan dengan elemen teknologi terkini.

- Pemasangan fasad tidak meliputi semua binaan bangunan baharu.

ANALISIS PENGGUNAAN OPTIMUM



FASA 1A

BLOK DEWAN PERSIDANGAN
Penggunaan fasiliti sehingga 35 kali dalam setahun mulai 2017.



FASA 3B

KEMUDAHAN BLOK MP
Mengikut Sesi Persidangan Dewan antara 80 hingga 100 hari setahun.



FASA 2B

MODUL SISTEM e-PARLIMEN
4 modul sistem tidak digunakan sepenuhnya.

PENGURUSAN PROJEK



Pengurusan Nilai Kurang Berkesan.



Kelemahan Dalam Pengurusan Kontrak Pembekalan.



Kelemahan Tadbir Urus Pembangunan Sistem ICT.

**JABATAN PERDANA MENTERI
PARLIMEN MALAYSIA
JABATAN KERJA RAYA
PROJEK NAIK TARAF DAN BAIK PULIH BANGUNAN
PARLIMEN MALAYSIA**

Perkara Utama

**Apa yang
diaudit?**

- Projek Naik Taraf dan Baik Pulih Bangunan Parlimen Malaysia bermula pada tahun 2011 dengan kos siling asal yang diluluskan oleh Jemaah Menteri (JM) berjumlah RM520 juta. Projek ini dilaksanakan secara berfasa iaitu fasa 1A, 2A, 2B, 3A, 3B, 2C(i) dan 2C(ii). Sehingga 31 Disember 2021, sebanyak enam fasa telah siap dan satu fasa terakhir iaitu 2C(ii) dalam pelaksanaan dengan keseluruhan kos siling projek terkini berjumlah RM626.10 juta.
- Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan projek telah dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan untuk mencapai objektifnya iaitu menaik taraf dan membaik pulih bangunan Parlimen Malaysia dengan memulihara ciri-ciri bangunan warisan kebangsaan. Ini untuk menjadikan Parlimen Malaysia lebih kondusif bagi melaksanakan fungsi sebagai institusi perundangan terunggul serta lambang demokrasi berparlimen negara.
- Pengauditan meliputi dua bidang utama Audit iaitu prestasi dan pengurusan projek. Prestasi projek dinilai berdasarkan dua perkara iaitu pencapaian output dan pencapaian keberhasilan. Pencapaian output merangkumi pencapaian fizikal projek dan pencapaian pembangunan sistem ICT.
- Pencapaian keberhasilan merangkumi perkara berikut:
 - Pengukuran keberhasilan terhadap keseluruhan projek.
 - Penggunaan fasiliti yang telah siap dinaik taraf dan dibaik pulih secara optimum.
 - Pengekalan ciri-ciri keaslian warisan pada bangunan Parlimen.

- Kepuasan pengguna mengenai kemudahan fizikal, sistem sokongan dan pembangunan sistem ICT yang telah dibaik pulih dan dinaik taraf dalam projek ini.
- Pengurusan aktiviti projek merangkumi prestasi kewangan, pengurusan nilai, pengurusan perolehan dan kontrak, dan tadbir urus pembangunan sistem ICT.
- Pengauditan telah dijalankan di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Parlimen Malaysia dan Jabatan Kerja Raya (JKR). Kementerian Kewangan (MoF) dan Jabatan Warisan Negara (JWN) turut dilibatkan semasa pengauditan dijalankan.
- Bangunan Parlimen Malaysia telah berusia hampir 50 tahun dan hasil pemeriksaan pada tahun 2011 mendapati struktur bangunan berada pada tahap kritikal dan memerlukan pembaikan segera bagi memastikan keselamatan para pengguna.
- Kerajaan telah memperuntukkan RM626.10 juta untuk keseluruhan fasa bagi menyediakan kemudahan yang kondusif dan mencukupi kepada pengguna untuk menjalankan fungsi Parlimen Malaysia di samping mengekalkan ciri-ciri keaslian warisan untuk generasi akan datang.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa pelaksanaan projek telah melewati tempoh yang sepatutnya iaitu selama enam tahun. Projek secara berfasa yang bermula pada tahun 2011 mengambil masa sehingga 14 tahun untuk disiapkan dengan fasa terakhir iaitu fasa 2C(ii) dijadualkan siap berdasarkan kontrak pada bulan Januari 2025. Pengukuran keberhasilan projek juga masih belum dapat dinilai kerana keseluruhan projek masih belum disiapkan sehingga 31 Disember 2021. Kelemahan yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:
 - Sembilan EOT telah diluluskan melibatkan tiga fasa dengan jumlah keseluruhan 859 hari.
 - Kemudahan yang disediakan melibatkan Blok Dewan Persidangan Sementara dan kemudahan pejabat di Blok Ahli Parlimen dan Pentadbiran belum mencapai tahap penggunaan optimum.
 - Empat modul dalam sistem e-Parlimen tidak digunakan secara optimum iaitu Modul Elaun dan Tuntutan Ahli Dewan, Modul

e-Kehadiran/*Facial Biometric Recognition*/e-Voting, Modul Nota Speaker dan Modul Speaker.

- Kerja-kerja pemuliharaan pada Blok Utama dan pengekalan reka bentuk ciri-ciri warisan fasad pada binaan baharu telah dilaksanakan tetapi tidak mendapat ulasan dan kelulusan secara bertulis daripada Jabatan Warisan Negara.
- Seramai 63.6% responden sangat berpuas hati dan berpuas hati manakala 11.8% responden tidak berpuas hati dan kurang berpuas hati dalam kajian kepuasan pelanggan.
- Sebanyak 171 APK dan 126 PHK telah menyumbang peningkatan harga kontrak berjumlah RM5.78 juta (1.3%) kepada RM447.40 juta.
- Peningkatan kos siling projek berjumlah RM106.10 juta (20.4%) daripada RM520 juta kepada RM626.10 juta untuk menampung perubahan skop kerja pada fasa 2B dan 2C.
- Pengurusan Nilai (VM) yang dilaksanakan pada tahun 2012 adalah kurang berkesan dan tidak mampu untuk mengawal kos dan tempoh projek sepatutnya disiapkan.
- Kelewatan antara 14 hingga 90 hari dalam memuktamadkan kontrak dan perjanjian tambahan pembekalan perabot.
- Klausula berkaitan denda/penalti tidak diwujudkan dalam kontrak pembekalan perabot untuk menjaga kepentingan Kerajaan.
- Kelemahan dalam tadbir urus pembangunan sistem ICT seperti berikut:
 - Perolehan skop pembangunan sistem ICT tidak mengikut keputusan Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT).
 - Kelemahan dalam reka bentuk sistem antaranya melibatkan Modul Pentadbir, Modul Maklumat Ahli Dewan dan Modul e-Kehadiran.
 - Komponen Jaminan, Penyenggaraan dan Khidmat Sokongan dilaksanakan secara serentak dalam skop pembangunan sistem ICT.
 - Perakuan Siap Kerja dikeluarkan walaupun skop kerja ICT seperti dalam syarat-syarat kontrak belum disempurnakan.

**Apa yang
disyorkan
Audit?**

- Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara sama tidak berulang pada masa hadapan, pihak Audit mengesyorkan tindakan seperti berikut:
 - JKR perlu memastikan tadbir urus dan pemantauan adalah menyeluruh dan berkesan supaya pelaksanaan projek berjaya dicapai mengikut objektif yang ditetapkan.
 - Parlimen dan JKR perlu memastikan pengurusan pembangunan sistem ICT dirujuk kepada pihak yang berautoriti bagi memelihara keperluan, kepentingan dan keselamatan ICT sektor awam.
 - Parlimen perlu memastikan perolehan aset memfokuskan kepada penggunaan aset yang optimum dan dimanfaatkan sepenuhnya.

JABATAN PERDANA MENTERI PARLIMEN MALAYSIA JABATAN KERJA RAYA

1. PROJEK NAIK TARAF DAN BAIK PULIH BANGUNAN PARLIMEN MALAYSIA

FAKTA UTAMA

| RM626.10 Juta | RM468.45 Juta | 7 Fasa |
|---|--|---|
| <ul style="list-style-type: none">Peruntukan keseluruhan projek | <ul style="list-style-type: none">Jumlah perbelanjaan projek untuk tempoh 2011 hingga 2021 | <ul style="list-style-type: none">Projek melibatkan fasa 1A, fasa 2A, fasa 2B, fasa 3A, fasa 3B, fasa 2C(i) dan fasa 2C(ii) |
| Jabatan Perdana Menteri (JPM) | Perancang, penyelarasa dan pemantau urusan berkaitan peruntukan dan perbelanjaan | |
| Parlimen Malaysia | Pelanggan Bertanggungjawab mengendalikan urusan pentadbiran Dewan Rakyat dan Dewan Negara | |
| Jabatan Kerja Raya (JKR) | Agensi pelaksana | |
| Objektif Projek | Menaik taraf dan membaik pulih bangunan Parlimen Malaysia dengan memulihara ciri-ciri bangunan Warisan Kebangsaan untuk menjadikan Parlimen Malaysia lebih kondusif sebagai institusi perundangan terunggul serta lambang demokrasi berparlimen negara | |

1. LATAR BELAKANG

1.1. Bangunan Parlimen Malaysia dibina hasil cetusan idea dan pandangan daripada Perdana Menteri Malaysia Pertama iaitu Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Ia dibina dengan kos keseluruhan berjumlah RM18 juta yang terdiri daripada tiga blok iaitu Blok Utama, Blok Menara dan Dewan Serbaguna. Kerja-kerja pembinaan bermula pada bulan September 1962 yang mengambil masa selama setahun. Seterusnya, Bangunan Parlimen Malaysia ini diwartakan sebagai Warisan Kebangsaan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 pada tahun 2012.

1.2. Blok Utama yang menempatkan Dewan Rakyat dan Dewan Negara mempunyai tiga tingkat serta bumbung berbentuk sebelas segitiga yang tersusun dikenali sebagai *pinnacle*. Blok Menara pula terdiri daripada 17 tingkat yang menempatkan pejabat pentadbiran Parlimen. Blok Parlimen Malaysia juga dilengkapi Dewan Serbaguna yang menyediakan kemudahan beriadah seperti gelanggang badminton dan gimnasium untuk kegunaan Ahli-ahli Parlimen dan kakitangan.

1.3. Pada tahun 2007, Kerajaan telah menjalankan kajian 'The Comprehensive Assessment and Rehabilitation for Parliament House' iaitu pemeriksaan sepenuhnya ke atas bangunan Parlimen yang berusia hampir 50 tahun. Hasil pemeriksaan mendapati struktur keseluruhan bangunan Parlimen berada pada tahap kritikal dan memerlukan pembaikan segera bagi memastikan keselamatan para pengguna.

1.4. Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) pada 3 Ogos 2011 bersetuju dengan cadangan pelaksanaan Projek Naik Taraf dan Baik Pulih Bangunan Parlimen Malaysia dengan anggaran peruntukan berjumlah RM520 juta. Skop asal dan tempoh sasaran siap projek yang telah dibentangkan kepada MJM adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
SKOP DAN SASARAN TEMPOH SIAP ASAL
BAGI KESELURUHAN FASA UTAMA PROJEK

| FASA UTAMA | FASA 1 | | FASA 2 | FASA 3 |
|-------------------------|--------------------------------|--|--|--|
| SKOP ASAL PROJEK | 1A – Ubah suai Dewan Serbaguna | 1B – Blok Pejabat Pentadbiran Parlimen | Mengubah suai dan memulihara Bangunan Parlimen sedia ada | Membina Blok Pejabat Ahli Parlimen yang baharu berserta kemudahan tempat letak kereta sebanyak 1,000 petak |
| TEMPOH PEMBINAAN | 5 Bulan | 18 Bulan | 41 Bulan | 24 Bulan |
| TARIKH MULA | Mei 2011 | April 2015 | November 2011 | April 2012 |
| TARIKH SIAP | September 2011 | September 2016 | Mac 2015 | April 2014 |

Sumber: Nota Taklimat Pembentangan Kepada MJM Bertarikh 3 Ogos 2011

1.5. Makmal Pengurusan Nilai (VM) yang dilaksanakan pada tahun 2012 telah menyelaraskan semula tiga fasa utama projek dengan tempoh pelaksanaan keseluruhan fasa dilanjutkan sehingga bulan Disember 2016. Seterusnya, makmal VM pada tahun 2018 pula telah menyelaraskan semula skop projek yang masih belum dilaksanakan dan keseluruhan fasa projek dijangka disiapkan pada tahun 2025. Secara keseluruhan, terdapat tujuh fasa yang telah dilaksanakan dengan kos siling berjumlah RM626.10 juta. Skop dan butiran projek bagi setiap fasa adalah seperti dalam **Jadual 2** dan **Jadual 3**.

JADUAL 2
SKOP PROJEK BAGI SETIAP FASA

| FASA | SKOP PROJEK |
|------|--|
| 1A | Menaik taraf Dewan Serbaguna sedia ada menjadi Dewan Rakyat dan Dewan Negara sementara |
| 2A | Membaiki panel fasad dan permukaan dalaman serta luaran bumbung <i>pinnacle</i> Bangunan Parlimen |
| 2B | <ul style="list-style-type: none"> • Membina Blok Pejabat Sementara dan Kafeteria • Membaiki pulih dan menaik taraf struktur • Sistem mekanikal dan elektrik, susun atur ruang dan kerja-kerja hiasan dalaman serta konservasi di Blok Utama termasuk Pusat Data di tingkat 11 Blok Menara • Membaiki pulih dan menaik taraf Dataran Kawad/Parlimen • Membaiki pulih kolam dan kawasan luar dan persekitaran Blok Utama dan Blok Menara • Menaik taraf sistem ICT Parlimen Malaysia meliputi empat komponen utama: <ul style="list-style-type: none"> - Sistem Persidangan Dewan (Integrated Digital Conferencing System – IDCS) - Sistem e-Parlimen (Integrated Parliament Management System – IPMS) - Rangkaian - Pusat Data (Migrasi Data) |
| 3A | <ul style="list-style-type: none"> • Membina baharu Blok Servis Mekanikal dan Elektrikal • Pejabat dan Stor Nurseri Tanaman • Rumah Pengawal • Rumah Sampah • Terowong Utiliti termasuk Kerja-Kerja Tanah |
| 3B | <ul style="list-style-type: none"> • Membina Blok Pejabat Ahli Parlimen dan pejabat pentadbiran baharu termasuk tempat letak kereta <i>basement</i> • Membina Blok Dewan Serbaguna baharu • Membaiki pulih Rumah Pengawal sedia ada • Menaik taraf kemudahan infrastruktur sedia ada • Membina pagar baharu mengikut sempadan terkini |

| FASA | SKOP PROJEK |
|--------|--|
| 2C(i) | <ul style="list-style-type: none"> Naik taraf dan baik pulih sebahagian Blok Pejabat Sementara untuk dijadikan sebagai pejabat sementara bagi pejabat-pejabat yang terlibat dengan kerja-kerja naik taraf di Blok Menara |
| 2C(ii) | <p>Pembinaan/Kerja Baharu</p> <ul style="list-style-type: none"> Membina Tempat Letak Kereta Bertingkat (2 Tingkat) Balai Kawalan Keselamatan lengkap dengan sistem keselamatan Pondok Pengawal II Laluan Pejalan Kaki Berbumbung Laluan Khas bagi Pelawat, Media dan Pegawai Bertugas Pagar Keselamatan <p>Kerja Ubah Suai</p> <ul style="list-style-type: none"> Lobi Blok Dewan Persidangan untuk dijadikan pejabat sementara bagi YAB Perdana Menteri dan YAB Timbalan Perdana Menteri Ruang Galeri Parlimen Malaysia Naik taraf dan dan baik pulih Blok Menara dan <i>Link Way</i> |

Sumber: Dokumen JKR


JADUAL 3
BUTIRAN PROJEK BAGI SETIAP FASA

| BUTIRAN | FASA | | | | | | |
|--------------------------------|------------------------------------|---------------------|----------------------------------|----------------------|----------------------|----------------------|----------------------|
| | 1A | 2A | 2B | 3A | 3B | 2C(i) | 2C(ii) |
| NO. KONTRAK | JKR/IP/CKUB/127/2011 | JKR/IP/CKUB/23/2012 | JKR/IP/CKUB/142/2014 | JKR/IP/CKUB/207/2014 | JKR/IP/CKUB/210/2015 | JKR/IP/CKUB/132/2020 | JKR/IP/CKUB/125/2021 |
| KAEDAH PEROLEHAN | Perbelanjaan Darurat (AP55) | Tender Terbuka | Rundingan Terus Secara Pakej | Tender Terbuka | Tender Terbuka | Tender Terbuka | Tender Terbuka |
| HARGA KONTRAK (RM Juta) | 31.00 | 13.99 | 191.00 | 22.59 | 181.58 | 1.46 | 115.00 |
| PEGAWAI PENGUASA | Cawangan Kejuruteraan Senggara JKR | JKR WPKL | Cawangan Kerja Bangunan Am 1 JKR | | | | |
| KONTRAKTOR | 120265-P | 90769-X | 120265-P | 252925-D | 97941-D | 519182-X | 627019-P |
| TARIKH SST | 28.03.2011 | 16.02.2012 | 27.06.2014 | 26.09.2014 | 08.09.2015 | 28.08.2020 | 04.06.2021 |
| TARIKH MILIK TAPAK | 28.03.2011 | 01.03.2012 | 01.08.2014 | 03.11.2014 | 28.09.2015 | 08.09.2020 | 14.07.2021 |
| TEMPOH | 23 Minggu | 65 Minggu | 30 Bulan | 24 Bulan | 39 Bulan | 4 Bulan | 182 Minggu |
| TARIKH SIAP ASAL | 05.09.2011 | 29.05.2013 | 31.01.2017 | 02.11.2016 | 27.12.2018 | 07.01.2021 | 08.01.2025 |

Sumber: Dokumen Kontrak

1.6. Berikut merupakan pandangan sisi pelan Projek Naik Taraf dan Baik Pulih Bangunan Parlimen Malaysia seperti dalam **Rajah 1**.

RAJAH 1
PANDANGAN SISI PELAN PROJEK NAIK TARAF DAN BAIK PULIH
BANGUNAN PARLIMEN MALAYSIA



Sumber: Jabatan Kerja Raya

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Projek Naik Taraf dan Baik Pulih Bangunan Parlimen Malaysia dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan iaitu:

- a. Menaik taraf dan membaik pulih bangunan Parlimen Malaysia dengan memulihara ciri-ciri bangunan Warisan Kebangsaan.
- b. Menjadikan Parlimen Malaysia lebih kondusif sebagai institusi perundangan terunggul serta lambang demokrasi berparlimen negara.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini meliputi dua bidang Audit utama iaitu prestasi dan pengurusan projek bagi tempoh tahun 2011 hingga 2021. Prestasi projek dinilai berdasarkan pencapaian output dan pencapaian keberhasilan. Pengurusan aktiviti projek meliputi prestasi kewangan, pengurusan nilai, pengurusan perolehan dan kontrak dan tadbir urus pembangunan sistem Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT).

3.2. Pengauditan ini dijalankan di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Parlimen Malaysia dan Jabatan Kerja Raya (JKR) meliputi Cawangan Kerja Bangunan Am 1, Cawangan Kerja Ukur Bahan, Cawangan Kejuruteraan Elektrik, Cawangan Senggara Fasiliti Bangunan, Cawangan Arkitek dan JKR Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JKR WPKL). Kementerian

Kewangan (MoF) dan Jabatan Warisan Negara (JWN) turut dilibatkan semasa pengauditan dijalankan.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen serta menganalisis data yang berkaitan. Pemeriksaan fizikal dan temu bual bersama pegawai yang bertanggungjawab turut dijalankan. Selain itu, soal selidik mengenai kepuasan pelanggan juga telah diedarkan.

5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Pengauditan telah dijalankan antara bulan Oktober 2021 hingga Januari 2022. Perkara yang ditemui dan maklum balas telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup pada 13 Jun 2022. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan Audit adalah seperti dalam perenggan berikut:

5.1. Prestasi Projek

Prestasi projek dinilai berdasarkan kepada pencapaian fizikal projek dalam tempoh yang ditetapkan dan pencapaian keberhasilan. Penemuan Audit berkaitan perkara ini adalah seperti berikut:

5.1.1. Pencapaian Output

- a. Berdasarkan VM tahun 2012 dan 2018, sebanyak tujuh fasa telah diluluskan untuk dilaksanakan dengan kos siling keseluruhan berjumlah RM626.10 juta. Projek berfasa ini dilaksanakan mulai tahun 2011 dan dijadualkan siap sepenuhnya pada bulan Januari 2025. Projek ini melibatkan kerja-kerja ubah suai blok sedia ada, naik taraf dan baik pulih bangunan, pembinaan blok baharu, naik taraf sistem sokongan elektrik dan mekanikal serta pembangunan sistem ICT.
- b. Semakan Audit mendapati prestasi pencapaian keseluruhan projek masih belum disiapkan sepenuhnya sehingga 31 Disember 2021. Status projek adalah seperti berikut:

5.1.1.1. Status Fizikal Projek

- a. **Enam daripada tujuh fasa telah siap dan satu fasa masih dalam pelaksanaan.** Status kemajuan kerja sebenar bagi fasa 2C(ii) sehingga 31 Disember 2021 adalah 4.2% dan dijangka siap sepenuhnya pada bulan Januari 2025. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
STATUS PENCAPAIAN FIZIKAL PROJEK SEHINGGA 31 DISEMBER 2021

| BIL. | FASA | NO. KONTRAK | HARGA KONTRAK (RM Juta) | TARIKH MILIK TAPAK DAN TEMPOH SIAP | TARIKH SIAP ASAL | TARIKH SIAP SEBENAR | EOT (Hari) | STATUS |
|---------------|--------|----------------------|-------------------------|------------------------------------|------------------|---------------------|------------|-----------------------|
| 1. | 1A | JKR/IP/CKUB/127/2011 | 31.00 | 28.03.2011 (23 Minggu) | 05.09.2011 | 05.09.2011 | - | Siap |
| 2. | 2A | JKR/IP/CKUB/23/2012 | 13.99 | 01.03.2012 (65 Minggu) | 29.05.2013 | 26.09.2013 | 120 | Siap |
| 3. | 2B | JKR/IP/CKUB/142/2014 | 191.00 | 01.08.2014 (30 Bulan) | 31.01.2017 | 31.07.2017 | 181 | Siap |
| 4. | 3A | JKR/IP/CKUB/207/2014 | 22.59 | 03.11.2014 (24 Bulan) | 02.11.2016 | 02.11.2016 | - | Siap |
| 5. | 3B | JKR/IP/CKUB/210/2015 | 181.58 | 28.09.2015 (39 Bulan) | 27.12.2018 | 03.07.2020* | 558 | Siap |
| 6. | 2C(i) | JKR/IP/CKUB/132/2020 | 1.46 | 08.09.2020 (4 Bulan) | 07.01.2021 | 30.12.2020 | - | Siap |
| 7. | 2C(ii) | JKR/IP/CKUB/125/2021 | 115.00 | 14.07.2021 (182 Minggu) | 08.01.2025 | - | - | Fasa Pembinaan (4.2%) |
| JUMLAH | | | 556.62 | | | | 859 | |

Sumber: Laporan Kemajuan Projek dan Dokumen Kontrak

Nota: (*) - Projek Fasa 3B Siap Lebih Awal Daripada Tarikh Siap Semasa (kelulusan EOT) iaitu Sehingga 7 Julai 2020

- b. Pelaksanaan projek ini dilaksanakan secara berfasa bermula dengan fasa 1A, 2A, 2B, 3 (3A dan 3B) dan 2C (i dan ii). Pelaksanaan secara berfasa ini disebabkan oleh kekangan seperti yang dinyatakan dalam makmal VM:
- i. Peralatan mekanikal dan elektrik sedia ada tidak boleh dimatikan fungsinya sehingga peralatan baharu siap dipasang dan berfungsi sepenuhnya;
 - ii. Operasi persidangan Dewan Rakyat dan Dewan Negara tidak boleh terganggu;
 - iii. Pejabat sementara adalah diperlukan bagi memastikan operasi pejabat sedia ada tidak terganggu;
 - iv. Sistem ICT dan sistem keselamatan elektronik sedia ada tidak boleh terganggu; dan
 - v. Bekalan elektrik sedia ada perlu mencukupi untuk menampung keperluan beban tambahan.
- c. Semakan Audit seterusnya terhadap enam fasa mendapati tiga fasa telah disiapkan dalam tempoh Pelanjutan Masa (EOT). Sembilan EOT diluluskan dengan tempoh masa berjumlah 859 hari mengikut fasa masing-masing. Tiga fasa yang mempunyai EOT ialah **fasa 2A dengan satu EOT berjumlah 120 hari, fasa 2B dengan tiga EOT berjumlah 181 hari dan fasa 3B dengan lima EOT berjumlah 558 hari**. Analisis kelulusan EOT mengikut klausa kontrak seperti dalam **Jadual 5**.

**JADUAL 5
KELULUSAN EOT MENGIKUT KLAUSA KONTRAK**

| BIL. | BUTIRAN | KLAUSA KONTRAK | FASA/BILANGAN HARI | | | | |
|-------------------------------|---|----------------|--------------------|------------|------------|------------|------------|
| | | | FASA 2A | FASA 2B | FASA 3B | JUMLAH | % |
| 1. | Arahan oleh Pegawai Penguasa (PP) | 43.1(e) | - | 181 | 224 | 405 | 47.1 |
| 2. | Kelewatan mengemukakan reka bentuk untuk pelaksanaan kerja | 43.1(f) | 120 | - | - | 120 | 14.0 |
| 3. | Kelewatan pihak ketiga yang dilantik/ditugaskan oleh Kerajaan | 43.1(h) | - | - | 248 | 248 | 28.9 |
| 4. | Arahan tutup tapak bina dan kelewatan terkesan disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan* | - | - | - | 86 | 86 | 10.0 |
| JUMLAH HARI DILULUSKAN | | | 120 | 181 | 558 | 859 | 100 |

Sumber: Sijil Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa

Nota: (*) - Kelulusan EOT Bagi Kontrak Kerajaan yang Terkesan Dengan Perintah Kawalan Pergerakan Merujuk Kepada *Frequently Asked Question* Bahagian Perolehan Kerajaan, MoF bertarikh 17 Mac 2020 dan 10 April 2020

- d. Analisis Audit selanjutnya terhadap tempoh masa penyiapan fasa 3B meliputi pembinaan Blok Ahli Parlimen dan Pentadbiran yang baharu. Pengiraan ini adalah berdasarkan kepada asas pengiraan Penetapan Norma Tempoh Pembinaan Projek dengan merujuk kepada formula pengiraan. Formula pengiraan ini adalah berdasarkan Surat Arahan Ketua Pengarah Kerja Raya (KPKR) Bil. 4 Tahun 2015 yang dikeluarkan pada 10 Februari 2015. Merujuk surat Arahan KPKR tersebut, analisis tempoh penyiapan projek ini disediakan untuk melaksanakan projek pembinaan bangunan baharu.
- e. Berdasarkan analisis tersebut, tempoh penyiapan sebenar fasa 3B termasuk pelanjutan masa yang diluluskan sehingga tempoh Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) dikeluarkan adalah **melebihi 544 hari (45.3%)**. Butiran lanjut pengiraan tempoh pelanjutan masa yang diluluskan berbanding norma tempoh pembinaan projek JKR adalah seperti dalam **Jadual 6**.

**JADUAL 6
PERBANDINGAN TEMPOH SIAP DENGAN NORMA TEMPOH PEMBINAAN**

| HARGA KONTRAK (RM Juta) | TEMPOH SIAP ASAL | | EOT | LAD** | JUMLAH TEMPOH PENYIAPAN | NORMA TEMPOH PEMBINAAN PROJEK | TEMPOH MELEBIHI NORMA | |
|-------------------------|------------------|----------|----------|----------|-------------------------|-------------------------------|-----------------------|------|
| | BULAN | HARI (a) | HARI (b) | HARI (c) | HARI (d) = (a)+(b)+(c) | HARI* (e) | HARI (f) = (d) - (e) | % |
| 181.58 | 39 | 1,186 | 558 | - | 1,744 | 1,200 | 544 | 45.3 |

Sumber: EOT dan CPC

Nota: (*) - Formula pengiraan: Norma Tempoh Pembinaan Projek

T = $327C^{0.25}$, Dimana T = Tempoh Projek dan C = Nilai anggaran kos projek

(**) - *Liquidated Ascertained Damages* (LAD)

- f. Semakan Audit mendapati fasa 3B telah **melebihi tempoh masa daripada tempoh norma projek yang sepatutnya disiapkan**. Ini adalah disebabkan berlaku kelewatan di pihak yang dilantik/ditugaskan oleh Kerajaan dan arahan oleh PP.

- g. Antara sebab-sebab EOT dikeluarkan yang berpunca daripada kelewatan di pihak dilantik/ditugaskan oleh Kerajaan **berjumlah 248 hari dalam fasa 3B** adalah seperti berikut:
- i. **EOT No. 1 (b) berjumlah 96 hari:** Kelewatan pengalihan kabel oleh kontraktor Telekom Malaysia bagi kerja-kerja pengalihan kabel dan kelewatan kelulusan Indah Water Konsortium (IWK) untuk kerja-kerja *Centralised Sewerage System*.
 - ii. **EOT No. 3 berjumlah 64 hari:** Kelewatan melantik pembekal perabot terlerai melalui kontrak pusat yang disebabkan oleh peruntukan awalan yang tidak mencukupi dan proses penambahan kos siling projek. Lanjutan masa diberikan kepada kontraktor kerana menjejaskan kerja-kerja *termination and integration* dan ini menyebabkan kerja-kerja *testing and commissioning* perlu dijadualkan semula.
 - iii. **EOT No. 4 berjumlah 88 hari:** Kelewatan disebabkan terdapat penemuan kabel Tenaga Nasional Berhad (TNB) PN10 HDD 11KV yang tidak dapat dijangka di peringkat awal pembinaan dan kabel ini merentasi laluan paip pembetulan projek. Kabel ini tidak dapat dikenal pasti semasa kerja-kerja *utility mapping* dibuat kerana ia terletak pada kedalaman 4 meter dari aras tanah. Permohonan permit kaedah *open cut* dan penutupan Jalan Berjasa perlu dikemukakan semula bagi permohonan kelulusan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).
- h. Seterusnya, semakan Audit terhadap pengeluaran EOT berpunca daripada arahan oleh PP berjumlah 224 hari adalah disebabkan **perubahan kerja di peringkat reka bentuk bagi memenuhi permintaan pelanggan dan keperluan pihak ketiga**. Butiran lanjut EOT dan Arahan Perubahan Kerja (APK) yang berkaitan adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
EOT DISEBABKAN ARAHAN OLEH PEGAWAI PENGUSAHA

| FASA | NO. APK | BUTIRAN | KELULUSAN TEMPOH EOT (Hari) | NILAI APK (RM Juta) |
|---------------|-----------|---|------------------------------------|---------------------|
| 3B | 1 | Perubahan tembok penahan daripada jenis <i>reinforced earth wall system</i> (concrete keystone) kepada jenis <i>concrete geogrid wall</i> disebabkan keadaan di tapak. | EOT No. 1 (a) (123 Hari) | 2.94 |
| | - | *Perubahan susun atur bilik terkini Ahli Parlimen mengikut keputusan di peringkat Jawatankuasa Dewan pada 1 November 2017. | | - |
| | 31 dan 32 | Penambahan kerja-kerja senibina di Blok Ahli Parlimen dan pencegah kebakaran di Blok Ahli Parlimen dan Pentadbiran bagi memenuhi keperluan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) yang terkini. | EOT No. 2 (101 Hari) | 0.58 |
| JUMLAH | | | 224 | 3.52 |

Sumber: Sijil Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa (Sijil EOT)

Nota: (*) - Tiada APK Khusus yang Dikeluarkan oleh PP Untuk Pelaksanaan Perubahan Kerja Seperti yang Dinyatakan Dalam Kelulusan EOT

- i. Pengeluaran EOT menyebabkan keseluruhan projek mengalami kelambatan siap yang berpunca daripada perubahan kerja yang banyak melibatkan permintaan pelanggan dan keperluan teknikal. Tempoh keseluruhan pelaksanaan projek **adalah selama 14 tahun** berbanding dengan perancangan awal di peringkat MJM dan VM kali pertama iaitu enam tahun bagi semua fasa yang terlibat. Tempoh pelaksanaan 14 tahun ini telah mengambil kira fasa 2C(ii) yang dijadualkan siap berdasarkan kontrak pada bulan Januari 2025.

Maklum balas JKR yang diterima pada 30 Mei 2022

Fasa 2C(ii) telah bermula pada 14 Julai 2021 dan dijangka siap pada 8 Januari 2025. Sehingga 31 Mac 2022, kemajuan pelaksanaan projek fasa 2C(ii) adalah 8.5% dan lebih awal seperti yang dirancang iaitu 5.7%. Berdasarkan Surat Arahan KPKR Bilangan 4 Tahun 2015: Penetapan Norma Tempoh Pembinaan Projek, garis panduan ini tidak terguna pakai kerana kekangan tempoh masa pembinaan disebabkan pengoperasian Persidangan Dewan Rakyat/Negara tidak boleh terjejas. Selain itu, proses kerja menjadi kritikal kerana terletak di dalam kawasan larangan (high security) dan norma tempoh pembinaan lebih sesuai diguna pakai untuk projek pembinaan di tapak bina yang baharu.

5.1.1.2. Status Pembangunan Sistem ICT

- a. Pembangunan Sistem ICT Parlimen Malaysia dilaksanakan secara pakej dengan kontraktor utama bagi fasa 2B secara rundingan terus. Nilai asal skop ICT berjumlah RM43 juta meliputi sembilan skop kerja dengan skop utama melibatkan pembangunan Sistem Persidangan Dewan, Sistem e-Parlimen, Rangkaian dan Pusat Data.
- b. Skop kerja **pembangunan sistem ICT telah disiapkan sepenuhnya bersekali dengan projek fasa 2B** yang dilanjutkan tempoh siap sehingga 31 Julai 2017 berbanding tempoh siap asal pada 31 Januari 2017. Skop dan komponen yang telah disiapkan adalah seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
PEMBANGUNAN SISTEM ICT PARLIMEN YANG
TELAH DISIAPKAN DALAM FASA 2B

| BIL. | KOMPONEN | BUTIRAN |
|------|---|---|
| 1. | Sistem Persidangan Dewan (Integrated Digital Conferencing Systems – IDCS) | <ul style="list-style-type: none"> Membantu dan merekod proses persidangan Dewan Rakyat dan Dewan Negara serta membolehkan petugas Parlimen merekod Penyata Rasmi (Hansard). Terdiri daripada <i>Digital Conferencing Network Systems, Facial Biometric Recognition System/e-Attendance/e-Voting, Parliament Information Dissemination System (PIDS), Count Down Timer, Multimedia Indexing (MIM) Systems dan Master Clock System.</i> Kerja naik taraf perkakasan ICT seperti komputer riba (laptop), komputer meja (desktop), peralatan rangkaian, sistem siar raya, televisyen, pelayan (server), perisian, kabel dan sebagainya. |
| 2. | Sistem e-Parlimen (Integrated Parliament Management System - IPMS) | <ul style="list-style-type: none"> Sistem maklumat yang bersepadu dan fungsi tambahan baharu bagi pengurusan Dewan Negara, Dewan Rakyat, Kamar Khas dan Ahli Parlimen. 23 modul dan modul-modul yang dibangunkan bagi menggantikan sistem e-Dewan sedia ada. Antara modul yang dibangunkan adalah seperti Modul Maklumat MP, Elaun Tuntutan MP, e-Library, Pengurusan Aturan Urusan Mesyuarat dan Penyata Rasmi (Hansard) serta Modul Kamar Khas, Pertanyaan Jawab Lisan PM22(5) dan Modul Speaker yang tidak dinyatakan dalam kontrak asal. |
| 3. | Rangkaian | Sambungan kepada sistem seperti Sistem Rangkaian Setempat, Sistem Rangkaian Meluas, Sistem Rangkaian Bersepadu dan persekitaran Bilik Pelayan Pusat Data. |
| 4. | Pusat Data (Migrasi Data) | Kerja migrasi pangkalan data dan migrasi di pusat mengandungi data termasuk menyediakan pusat data sementara dan sambungan sementara. |

Sumber: Kontrak Formal Fasa 2B

- c. Nilai akhir skop pembangunan sistem ICT adalah berjumlah RM52.18 juta melibatkan 19 APK dengan tambahan nilai bersih berjumlah RM9.18 juta (21.3%). Antara lima APK tertinggi yang telah diluluskan adalah seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
APK DALAM SISTEM PEMBANGUNAN ICT

| NO. APK | BUTIRAN | JUSTIFIKASI | TARIKH APK | NILAI APK (RM Juta) |
|----------------|--|---|------------|---------------------|
| FASA 2B | | | | |
| 55 | Penambahbaikan aplikasi e-Parlimen bagi menyediakan skop, proses dan fungsi berdasarkan keperluan baharu daripada pelanggan iaitu <i>Minister Question Time (MQT), soal jawab lisan, Kamar Khas, Countdown Timer dan Change Request.</i> | Permintaan pelanggan disebabkan oleh keperluan baharu dan Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat. | 29.03.2017 | 4.39 |
| 76 | Peningkatan dan penambahbaikan sistem serta pengkabelan <i>AV IP Closed Circuit Television</i> dan penambahbaikan Perisian <i>MIM Client.</i> | Permintaan pelanggan untuk mengurangkan <i>latency</i> dan hasil daripada sesi <i>User Acceptance Test (UAT)</i> dan demonstrasi aplikasi <i>MIM Client</i> , pelanggan memohon beberapa fungsi baharu ditambah kepada aplikasi tersebut. | 29.03.2017 | 2.72 |
| 75 | Pembangunan Modul Tambahan dalam sistem e-Parlimen iaitu Modul Speaker yang menyediakan akses kepada dokumen rujukan untuk Yang di-Pertua Dewan dan pegawai-pegawai berkaitan semasa dan di luar persidangan. Modul ini termasuk kemudahan carian, paparan dan repositori simpanan dokumen tersebut. | Permintaan baharu pelanggan untuk menyediakan kemudahan akses kepada dokumen-dokumen rujukan untuk Yang di-Pertua Dewan dan pegawai-pegawai. | 29.03.2017 | 0.70 |

| NO. APK | BUTIRAN | JUSTIFIKASI | TARIKH APK | NILAI APK (RM Juta) |
|---------|---|--|------------|---------------------|
| 62 | Penambahan Skop Pengoperasian Sistem ICT semasa tempoh tanggungan kecacatan untuk operasi sepanjang persidangan Dewan Rakyat dan Dewan Negara meliputi pengoperasian alatan dan perkakasan e-Parliman, IDCS, Rangkaian dan Pusat Data. | Permintaan pelanggan bagi melancarkan proses persidangan. | 29.03.2017 | 0.52 |
| 57 | Perubahan lokasi Pusat Data dari Tingkat 11 Blok Menara ke Blok Utama dan penggabungan Bilik <i>Server</i> IDCS di aras 2, Blok Utama dengan Pusat Data yang melibatkan penambahan saiz Bilik <i>Server</i> dan penambahan Bilik <i>Mechanical and Electrical</i> dan Bilik Kawalan Pusat Data. | Struktur lantai di Tingkat 11, Blok Menara yang tidak dapat menampung beban tambahan <i>server</i> . | 29.03.2017 | 0.29 |

Sumber: APK

- d. Pihak Audit turut mendapati sebanyak 11 daripada 19 APK yang berkaitan pembangunan sistem ICT telah dikeluarkan dalam tempoh EOT. Selain itu, EOT No. 3 berjumlah 122 hari untuk fasa 2B telah dikeluarkan yang berpunca daripada arahan oleh PP bagi keperluan baharu dalam sistem ICT Parlimen. Ini melibatkan 204 keperluan baharu modul Bahagian Pengurusan Dewan Negara dan Bahagian Pengurusan Parlimen dalam pembangunan sistem e-Parlimen.

Maklum balas JKR yang diterima pada 30 Mei 2022

Berdasarkan kepada Laporan VM, skop asal telah dipersetujui oleh pihak pelanggan dan Agensi Pusat. Skop asal ICT yang dipersetujui bersama oleh pihak pelanggan telah dipenuhi merujuk kepada dokumen *User Requirement Specifications* (URS) yang telah dimuktamadkan di peringkat awal projek iaitu pada tahun 2015. Keperluan semasa pihak pelanggan bagi memastikan kelancaran pengoperasian pejabat dan persidangan parlimen. Walau bagaimanapun, sebarang perubahan kerja melibatkan keperluan semasa pihak pelanggan adalah di luar kawalan Agensi Pelaksana (JKR).

Pendapat Audit | EOT dan APK telah menyebabkan kelambatan siap keseluruhan projek.

5.1.2. Pencapaian Keberhasilan

5.1.2.1 Pencapaian Keberhasilan Keseluruhan Projek Belum Dapat Diukur

- a. Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2012, Garis Panduan Pengukuran Pencapaian Program/Projek Pembangunan Melalui Penilaian Keberhasilan menetapkan kementerian/jabatan/agensi dan pentadbiran negeri masing-

masing membuat penilaian dan impak terhadap sesuatu program/projek pembangunan yang dilaksanakan. Selain itu, Arahan No. 1 Tahun 2010, Majlis Tindakan Negara pula menyatakan, penilaian keberhasilan adalah sebagai amaran awal untuk membantu Kementerian menyelaraskan semula strategi pelaksanaan program atau projek agar mencapai sasaran keberhasilan yang dihasratkan.

- b. Sasaran keberhasilan projek ini selain daripada objektif yang ditetapkan adalah seperti berikut:
 - i. Kemudahan yang membolehkan Ahli-ahli Parlimen melaksanakan tanggungjawab dalam keadaan yang lebih kondusif;
 - ii. Kemudahan yang mencukupi untuk kakitangan Parlimen dapat mengoptimalkan prestasi kerja;
 - iii. Meningkatkan jangka hayat bangunan; dan
 - iv. Memulihara ciri-ciri bangunan warisan kebangsaan.
- c. Semakan Audit mendapati pengukuran keberhasilan keseluruhan projek Naik Taraf dan Baik Pulih Bangunan Parlimen **belum dapat dinilai sepenuhnya**. Ini kerana fasa 2C(ii) melibatkan skop kerja naik taraf dan baik pulih Blok Menara serta penyediaan tempat letak kenderaan bertingkat masih dalam fasa pelaksanaan.
- d. Selanjutnya, semakan Audit mendapati pihak Parlimen telah membuat penilaian keberhasilan untuk fasa 2B sahaja meliputi persepsi pengguna, tahap kepuasan pelanggan dan cadangan penambahbaikan terhadap Blok Utama dan sistem e-Parlimen pada tahun 2019. Kajian melibatkan lima kategori pengguna iaitu Ahli Parlimen, kakitangan Parlimen, pegawai Kerajaan, Petugas Media dan Pelawat. Pihak Audit turut mendapati fasa lain masih belum dilaksanakan penilaian keberhasilan sehingga bulan Disember 2021.

Maklum balas JKR yang diterima pada 30 Mei 2022

Pelaksanaan Kajian Penilaian Keberhasilan bagi projek di bawah JPM adalah dipilih secara rawak oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), JPM untuk projek yang telah siap dalam tempoh tiga hingga lima tahun. Bagi projek Naik Taraf dan Baik Pulih Bangunan Parlimen, hanya satu fasa iaitu fasa 2B telah terpilih untuk dilaksanakan Kajian Penilaian Keberhasilan.

Maklum balas JPM yang diterima pada 30 Mei 2022

Kajian Penilaian Keberhasilan dilaksanakan oleh JPM secara tahunan (sekali). Kajian ini dilakukan berdasarkan kepada permintaan ICU. Sehubungan itu, tiada sebarang kajian khusus yang dilaksanakan secara dalaman oleh JPM.

Pendapat Audit | **Pengukuran tahap keberhasilan projek sepenuhnya masih belum dicapai memandangkan satu fasa projek belum disiapkan.**

5.1.2.2. Penggunaan Kemudahan Tidak Optimum

- a. Merujuk kepada Perenggan 7.4 (b), Dasar Pengurusan Aset Kerajaan 2021, JKR menyatakan setiap agensi hendaklah memberi penekanan kepada konsep, prinsip dan amalan Pengurusan Aset Menyeluruh (PAM) berdasarkan nilai faedah seluruh kitaran hayat aset dalam melaksanakan Pengurusan Aset Kerajaan. Amalan PAM hendaklah memfokuskan kepada penggunaan aset yang optimum dengan kos yang efektif serta merangkumi ciri mesra pengguna, mesra alam sekitar, kecekapan tenaga, tahap keselamatan dan kawalan keselamatan.
- b. MJM pada tahun 2017 telah membangkitkan pertambahan skop dan komponen yang lain wajar dipertimbangkan secara teliti bagi mengelakkan pembaziran. Ini dibimbangi kemudahan-kemudahan tersebut tidak digunakan sepenuhnya oleh pengguna.
- c. Semakan Audit mendapati, kemudahan lain yang telah disediakan dan dibaik pulih tidak mencapai penggunaan optimum berdasarkan rekod penggunaan yang dikemukakan. Kemudahan yang tidak mencapai penggunaan secara optimum adalah seperti berikut:

i. Blok Dewan Persidangan Sementara (Fasa 1A)

- Pada 5 September 2011, Blok Dewan Persidangan Sementara telah diubah suai dan siap sepenuhnya pada 5 September 2011 dengan kos keseluruhan RM31 juta. Blok ini dikekalkan seperti yang dicadangkan dalam keputusan MJM pada tahun 2011 selepas fasa 2B siap sepenuhnya untuk kegunaan lain sebagai dewan seminar atau persidangan.
- Blok ini telah digunakan untuk mengadakan sesi persidangan Dewan Rakyat dan Dewan Negara dari tahun 2011 hingga 2016. Pada tahun

2017, Blok Dewan Persidangan Sementara hanya digunakan untuk tujuan mesyuarat Penyelarasan Pra-Persidangan Parlimen, keraian, temuduga dan lain-lain.

- Analisis Audit mendapati pada tahun 2017 hingga 2021, kekerapan penggunaan Dewan Persidangan tersebut **hanya digunakan sebanyak 47 kali** bagi tujuan mesyuarat Penyelarasan Pra-Persidangan Parlimen dan keraian selepas Dewan Rakyat dan Dewan Negara siap dinaik taraf. Selain itu, dewan ini juga digunakan untuk tujuan sambutan keraian, penerimaan tetamu untuk lawatan sambil belajar, temuduga, konvensyen dan sesi fotografi.
- Pada tahun 2020, pihak Audit mendapati Dewan Persidangan hanya digunakan sekali sahaja dan tiada penggunaan pada tahun 2021 disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan akibat daripada pandemik Covid-19. Dewan Persidangan tidak lagi digunakan sejak blok tersebut terlibat dalam kerja-kerja ubah suai fasa 2C (ii) pada 4 Jun 2021. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
KEKERAPAN PENGGUNAAN BLOK DEWAN PERSIDANGAN SEMENTARA
DARI TAHUN 2017 HINGGA 2021

| PERKARA | TAHUN | | | | | JUMLAH |
|------------------------------------|----------|-----------|-----------|----------|----------|-----------|
| | 2017 | 2018 | 2019 | 2020 | 2021 | |
| DEWAN PERSIDANGAN | | | | | | |
| Mesyuarat Penyelarasan Persidangan | 1 | 9 | 8 | - | - | 18 |
| Persidangan Belia | - | - | 3 | - | - | 3 |
| Majlis Keraian | - | - | 12 | - | - | 12 |
| Temuduga | - | - | - | 1 | - | 1 |
| Lain-lain | - | 1 | 12 | - | - | 13 |
| JUMLAH | 1 | 10 | 35 | 1 | - | 47 |

Sumber: Rekod Penggunaan Parlimen

Maklum balas Parlimen yang diterima pada 30 Mei 2022

Dewan Persidangan Sementara telah digunakan untuk sesi Parlimen bersidang dari tahun 2014 hingga 2017 bagi membolehkan kerja-kerja ubah suai dan naik taraf Dewan Rakyat dan Dewan Negara di Blok Utama fasa 2B dilaksanakan. Setelah kerja-kerja di Blok Utama siap dan beroperasi pada tahun 2017, fungsi Dewan Persidangan telah berubah.

Dewan ini digunakan untuk sesi *Speaker's Lecture Series*, sesi Persidangan Parlimen Belia Malaysia dan sesi Persidangan *Malaysian Future Leaders School* (Kerjasama

Parlimen dengan Kementerian Belia dan Sukan), Persidangan Parlimen Mahasiswa (Kerjasama Parlimen dengan Kementerian Pengajian Tinggi), Persidangan dan Mesyuarat Pra-Persidangan dan lain-lain mesyuarat yang berkapasiti 100 orang dan ke atas. Blok Dewan Persidangan mulai tahun 2022 tidak dapat digunakan kerana terlibat dengan kerja-kerja ubah suai dan naik taraf dalam fasa 2C(ii).

ii. Blok Ahli Parlimen dan Pentadbiran (Fasa 3B)

- Blok Ahli Parlimen dan Pentadbiran menyediakan 67 bilik untuk kegunaan Ahli Parlimen dan 35 bilik Kementerian. Blok ini juga menempatkan pejabat Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia (KPPM) dan sebahagian cawangan/bahagian yang terlibat dalam pentadbiran Parlimen. Antara kemudahan lain yang terdapat dalam blok ini adalah seperti perpustakaan, gimnasium, sauna dan bilik peti surat.
- Melalui pemerhatian Audit, satu bilik Ahli Parlimen perlu dikongsi antara dua ke tiga orang, manakala bilik Kementerian disediakan dengan setiap Kementerian mempunyai satu bilik masing-masing. Bilik Ahli Parlimen dan bilik Kementerian hanya **digunakan semasa persidangan dewan berlangsung antara 80 hingga 100 hari setahun**. Bagaimanapun, penggunaan bagi setiap bilik tidak direkodkan secara rasmi oleh pihak Parlimen.
- Pihak Audit turut menjalankan analisis terhadap rekod pas akses keselamatan bagi kehadiran 10 Ahli Parlimen ke blok Ahli Parlimen dan Pentadbiran bagi bulan Julai hingga Disember 2021. Hasil analisis tersebut mendapati kehadiran Ahli Parlimen ke blok berkenaan adalah antara dua hingga 31 hari (1.5% hingga 23.5%) dalam tempoh enam bulan (132 hari).
- Selain itu, semakan terhadap bilik peti surat yang ditempatkan di aras bawah mendapati sebanyak 71 buah peti surat bernilai RM96,560 telah disediakan untuk kegunaan Ahli Parlimen. Walau bagaimanapun peti surat tersebut **tidak digunakan sejak penerimaannya pada bulan Januari 2020**.

Maklum balas Parlimen yang diterima pada 30 Mei 2022

Kekerapan penggunaan adalah berdasarkan kepada keperluan Ahli Parlimen dan para Menteri serta Timbalan Menteri masing-masing. Parlimen Malaysia tidak mempunyai rekod spesifik berhubung kekerapan penggunaan bilik Ahli Parlimen dan Kementerian. Rekod penggunaan ini berdasarkan pas akses keselamatan yang dijana daripada

Sistem Akses Keselamatan. Kemudahan peti surat bagi tujuan penerimaan dokumen yang dihantar kepada Ahli Parlimen merupakan keperluan pada awal perancangan projek. Namun begitu, Mesyuarat Pengurusan Yang di-Pertua Dewan Negara/ Yang di-Pertua Dewan Rakyat Bersama Setiausaha Bahagian Bilangan 1 Tahun 2022 yang telah bersidang pada 10 Februari 2022 telah memutuskan supaya bilik peti surat ini ditukar fungsi.

iii. Penggunaan Modul Dalam Sistem e-Parlimen (Fasa 2B)

- Sistem e-Parlimen merupakan sistem aplikasi yang dibangunkan pada fasa 2B dengan nilai kos akhir berjumlah RM12.74 juta. Sistem ini dibangunkan secara bersepadu untuk menggantikan sistem sedia ada iaitu sistem e-Dewan dengan fungsi tambahan yang berperanan dalam menguruskan hal ehwal dan keperluan pengurusan Parlimen.
- Semakan Audit terhadap pangkalan data sistem e-Parlimen mendapati **dua (33.3%) daripada enam modul tidak mempunyai data lengkap dan tidak digunakan sepenuhnya.** Modul tersebut adalah Modul Elaun dan Tuntutan Ahli Dewan dan Modul e-Kehadiran/*Facial Biometric Recognition*/*e-Voting* seperti dalam **Jadual 11.**

JADUAL 11
MODUL YANG TIDAK MEMPUNYAI DATA LENGKAP DAN
TIDAK DIGUNAKAN SEPENUHNYA

| BIL. | JENIS MODUL | FUNGSI | PENEMUAN AUDIT |
|------|---|--|--|
| 1. | Modul Elaun dan Tuntutan Ahli Dewan | <ul style="list-style-type: none"> • Mengendalikan urusan kemas kini elaun, pembayaran elaun serta tuntutan-tuntutan Ahli Dewan. | <ul style="list-style-type: none"> • Tuntutan dibuat secara manual dan pembayaran melalui sistem kewangan iGFMAS. |
| 2. | Modul e-Kehadiran/ <i>Facial Biometric Recognition</i> /Modul <i>e-Voting</i> | <ul style="list-style-type: none"> • Merekodkan kehadiran Ahli Dewan. Perekodan dilakukan secara biometrik semasa kehadiran Ahli Dewan tersebut. • Modul <i>e-Voting</i> dibangunkan untuk membolehkan pengguna merekod undi belah bahagi secara elektronik. | <ul style="list-style-type: none"> • Modul e-Kehadiran digunakan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara. • <i>Facial Biometric Recognition</i> tidak digunakan dan kaedah kehadiran menggunakan secara manual (log-in) • Sub modul <i>e-Voting</i> tidak digunakan tertakluk kepada Arahan Mesyuarat Dewan. |

Sumber: Bahagian Teknologi Maklumat

- Pihak Audit juga telah menjalankan sesi simulasi Persidangan Dewan Rakyat pada 13 Januari 2022. Melalui sesi simulasi tersebut, pihak Audit turut mendapati dua modul iaitu **Modul Nota Speaker dan Modul Speaker tidak digunakan sepenuhnya.**
- Modul Nota Speaker digunakan sebagai panduan untuk Yang di-Pertua Dewan mempengerusikan mesyuarat manakala Modul Speaker

membolehkan Setiausaha Dewan/Yang di-Pertua Dewan mengemas kini Peraturan Mesyuarat serta sumber-sumber lain. Modul Speaker ini dibangunkan melalui APK No.75 bernilai RM692,875 yang telah diluluskan oleh PP pada 29 Mac 2017.

Maklum balas Parlimen yang diterima pada 30 Mei 2022

Sub-Modul Sistem *e-Voting*, pindaan kepada Peraturan Mesyuarat perlu dilakukan terlebih dahulu sebelum sistem digunakan semasa proses belah bahagian diadakan. Pada masa ini, proses belah bahagian masih dilakukan secara manual dan tiada keperluan untuk dilaksanakan secara digital daripada pihak *stakeholders*. Sub-Modul *Facial Biometric Recognition* merupakan satu keperluan semasa fasa 2B. Namun begitu, selaras dengan keperluan semasa, sistem *log-in* secara manual adalah lebih sesuai dan praktikal. Selain itu, Modul Nota Speaker dan Modul Speaker ditangguhkan penggunaannya kerana terdapat perubahan dasar dalam aspek keperluan semasa.

Pendapat Audit | **Perubahan fungsi dan keperluan semasa pelanggan menyebabkan kemudahan yang disediakan tidak digunakan secara optimum.**

5.1.2.3. Pengekalan Ciri-Ciri Warisan Dalam Aktiviti Pemuliharaan

- a. Seksyen 38 hingga 46, Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) yang berkuat kuasa pada 1 Mac 2006, memberi peruntukan kepada JWN untuk menjalankan aktiviti pemuliharaan dan pemeliharaan warisan negara. Seksyen 112, Akta 645 juga menyatakan sebarang aktiviti yang dijalankan di tapak warisan perlu mendapat kelulusan secara bertulis daripada Pesuruhjaya Warisan dengan berpandukan prinsip, prosedur dan garis panduan yang ditetapkan oleh JWN.
- b. Mesyuarat pada 11 April 2011 antara Pesuruhjaya Warisan dan JKR menetapkan binaan baharu bersebelahan terutamanya dari aspek saiz, ketinggian, dan fasad baharu tidak boleh lebih menyerlah daripada Bangunan Parlimen. Sebarang binaan, reka bentuk dan seni bina baharu mestilah selari dengan nilai klasik bangunan sedia ada dan tidak keterlaluan serta harus mengekalkan imej dan identiti bangunan Parlimen itu sendiri.
- c. Nota daripada Menteri Kerja Raya dengan merujuk kepada MJM pada 3 Ogos 2011 memaklumkan bahawa MJM telah bersetuju supaya pelaksanaan projek Parlimen hendaklah selaras dengan pematuhan Akta Warisan Kebangsaan 2005 dan dilaksanakan secara konvensional.

- d. Semakan Audit terhadap reka bentuk fasad mendapati reka bentuk telah dipersetujui oleh pihak Parlimen. Reka bentuk fasad **masih mengekalkan ciri-ciri warisan reka bentuk asal** dan juga menerapkan elemen-elemen teknologi semasa secara Industrialised Building System dan *lightweight construction*. Reka bentuk fasad untuk Blok Ahli Parlimen dan Pentadbiran dan Dewan Serbaguna (fasa 3B) **adalah harmoni dan mempunyai kesinambungan dengan reka bentuk asal fasad** di Blok Utama dan Blok Menara sedia ada.
- e. Semakan selanjutnya mendapati perbezaan panel fasad pada blok asal dengan blok baharu pada fasa 3B. Pemasangan panel fasad baharu terdiri daripada bahan yang diperbuat daripada *aluminium cladding* dan disalut dengan dua lapisan *polyvinylidene flouride* yang mempunyai warna cat yang lebih stabil, *strong weather resistance*, tidak mudah luntur dan berubah warna. Walau bagaimanapun, **tiada sebarang dokumen daripada JWN yang memberikan ulasan terhadap reka bentuk yang dicadangkan** menggunakan panel daripada jenis *aluminium cladding* untuk fasa 3B menggantikan panel terazo seperti yang terdapat pada blok asal bangunan Parlimen.
- f. Selain itu, semakan Audit mendapati pelan pembangunan keseluruhan Parlimen diterapkan ciri-ciri warisan, namun ciri-ciri warisan pemasangan fasad tidak secara menyeluruh bagi binaan baharu. **Reka bentuk fasad yang tidak dipasang berciri warisan** adalah pada Blok Pejabat Sementara (fasa 2B), Blok Mekanikal dan Blok Elektrikal (fasa 3A) seperti dalam **Gambar 1** dan **Gambar 2**.

GAMBAR 1



Blok Pejabat Sementara
- Struktur Binaan Baharu yang Tidak Dipasang
Dengan Reka Bentuk Fasad
(14.01.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 2



Blok Mekanikal
- Struktur Binaan Baharu yang Tidak Dipasang
Dengan Reka Bentuk Fasad
(14.01.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum balas JKR yang diterima pada 30 Mei 2022


Berdasarkan surat kelulusan JWN No. Rujukan JWN.PP.600/3/74(41) bertarikh 8 September 2014 bagi cadangan baik pulih fasa 3A dan 3B untuk Kebenaran Merancang Seksyen 40, tiada ulasan berkaitan fasad kulit nanas yang memerlukan kelulusan JWN. Inisiatif *Head of Project Team* (HOPT) dan pasukan projek telah menubuhkan Jawatankuasa Khas untuk setiap kelulusan bahan termasuk fasad aluminium. Pengemukaan kelulusan bahan *aluminium cladding* tidak merujuk JWN kerana tiada ulasan awal berkenaan keperluan tersebut. Status reka bentuk fasad dalam fasa 2C(ii) telah siap sepenuhnya mengikut ukuran/saiz fasad yang asal seperti di Blok Menara. Walau bagaimanapun, jenis bahan yang lebih ringan dan murah dicadangkan kerana kos projek tidak mencukupi dan *value for money*.

Pendapat Audit | **Ketiadaan ulasan secara bertulis daripada pihak JWN tidak memberi jaminan ciri-ciri reka bentuk warisan dikekalkan untuk generasi akan datang.**

5.1.2.4. Kajian Kepuasan Pelanggan

- a. Pihak Audit telah menjalankan satu kajian kepuasan pelanggan bagi menilai tahap keberhasilan fasa projek yang telah siap. Soal selidik telah diedarkan secara manual, emel dan melalui sistem *Quick Response* (QR) *Code* mulai 1 Disember 2021 hingga 15 Mac 2022. Seramai 163 responden telah memberikan maklum balas terhadap kemudahan fizikal yang dibaik pulih, sistem sokongan seperti mekanikal dan elektrik yang dinaik taraf, dan sistem ICT yang dibangunkan dalam kompleks Parlimen Malaysia.
- b. Analisis Audit terhadap penilaian responden terhadap keseluruhan projek siap mendapati **seramai 63.6% responden sangat berpuas hati dan berpuas hati manakala 11.8% responden tidak berpuas hati dan kurang berpuas hati** seperti **Carta 1**.

**CARTA 1
PENILAIAN RESPONDEN TERHADAP KESELURUHAN FASA SIAP**



Sumber: Analisis JAN Berdasarkan Soal Selidik Secara Edaran Email dan OR Code

- c. Antara sebab ketidakpuasan terhadap projek yang telah siap melibatkan **penggunaan sistem rangkaian dan jaringan internet serta sistem persidangan dewan**. Pihak Audit turut mendapati ketidakpuasan adalah disebabkan masalah tempat letak kenderaan dalam kompleks Parlimen Malaysia.
- d. Cadangan responden untuk penambahbaikan antaranya adalah seperti tempat letak kenderaan perlu mencukupi semasa persidangan dewan berlangsung, membuat laluan berbumbung dari blok sementara ke dewan persidangan dan menaik taraf sistem keselamatan. Selain itu, penambahbaikan sistem ICT dan memperluas kawasan liputan internet telah dicadangkan penambahbaikan oleh responden.

Maklum balas Parlimen yang diterima pada 30 Mei 2022

Parlimen Malaysia mengambil maklum bahawa lebih banyak responden berpuas hati berbanding hanya 11.8% tidak dan kurang berpuas hati terhadap komponen projek yang melibatkan kemudahan fizikal, sistem sokongan dan sistem ICT Parlimen yang disediakan melalui Projek Naik Taraf dan Baik Pulih Bangunan Parlimen Malaysia. Parlimen Malaysia sentiasa komited untuk terus menambah baik segala kemudahan dan sistem aplikasi agar dapat memenuhi keperluan pihak pelanggan tertakluk kepada peruntukan kewangan yang diluluskan. Selain itu, cadangan daripada

responden untuk tujuan penambahbaikan telah diambil kira dalam pelaksanaan projek fasa 2C(ii).

5.2. Pengurusan Projek

Pengurusan aktiviti projek meliputi penilaian terhadap prestasi kewangan, pengurusan nilai, pengurusan perolehan dan kontrak, dan tadbir urus pembangunan sistem ICT. Penemuan Audit dalam pengurusan aktiviti projek adalah seperti berikut:

5.2.1. Prestasi Kewangan

Berdasarkan Arahan Perbendaharaan 54, Pegawai Pengawal dikehendaki mengawal perbelanjaan berkenaan projek yang diperuntukkan dalam Maksud Perbelanjaan Anggaran Belanjawan di bawah kawalannya supaya peruntukan tidak terlebih dibelanjakan.

5.2.1.1. Peruntukan dan Perbelanjaan Projek

- a. Sehingga 31 Disember 2021, MJM telah meluluskan kos siling projek berjumlah RM600 juta dan kelulusan tambahan RM26.10 juta daripada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA). **Kos siling keseluruhan melibatkan tujuh fasa adalah berjumlah RM626.10 juta.**
- b. Analisis Audit terhadap peruntukan dan perbelanjaan projek sehingga 31 Disember 2021 mendapati, perbelanjaan keseluruhan **berjumlah RM468.45 (74.8%) manakala bagi setiap fasa siap adalah antara 89.6% sehingga 100%**. Keseluruhan perbelanjaan melibatkan bayaran kepada kontraktor utama dan kos lain seperti kos perunding, keperluan pihak berkuasa tempatan, utiliti dan sebagainya. Butiran terperinci bagi agihan peruntukan dan perbelanjaan projek ini adalah seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PROJEK SEHINGGA 31 DISEMBER 2021

| FASA | PERUNTUKAN (RM Juta) | PERBELANJAAN (RM Juta) | BAKI PERUNTUKAN (RM Juta) | PERBELANJAAN (%) |
|---------------|-------------------------|---------------------------|------------------------------|---------------------|
| 1A | 31.00 | 31.00 | - | 100 |
| 2A | 17.00 | 15.37 | 1.63 | 90.4 |
| 2B | 213.00 | 207.99 | 5.01 | 97.7 |
| 3A | 233.00 | 22.72 | 24.32 | 89.6 |
| 3B | | 185.96* | | |
| 2C(i) | 132.10 | 1.34 | 126.69 | 4.1 |
| 2C(ii) | | 4.07 | | |
| JUMLAH | 626.10 | 468.45 | 157.65 | 74.8 |

Sumber: Unit kewangan, JKR

Nota: (*) - Dalam Proses Untuk Penutupan Akaun

- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati Perakuan Muktamad (JKR66A) bagi fasa 3B dengan perbelanjaan terkini berjumlah RM185.96 juta masih belum disediakan. Perakuan tersebut sepatutnya dikeluarkan pada 4 Oktober 2021 selepas tiga bulan daripada tarikh Sijil Siap Memperbaiki Kecacatan (CMGD) iaitu pada 5 Julai 2021. Sehingga 31 Disember 2021 **tempoh kelewatan adalah dua bulan 27 hari** berbanding tempoh sepatutnya dikeluarkan.
- d. Seterusnya, semakan terhadap harga kontrak mendapati berlaku **peningkatan kos akhir kontrak berjumlah RM5.78 juta (1.3%)**. Ini disebabkan oleh perubahan dan pelarasan kerja yang melibatkan 171 APK dan 126 Pelarasan Harga Kerja (PHK). Peningkatan kos melibatkan fasa 2A dan 2B yang masing-masing berjumlah RM1.38 juta (9.9%) dan RM10.60 juta (5.6%) berbanding harga kontrak asal. Butiran lanjut berkaitan peningkatan dan pengurangan kos selepas mengambil kira APK dan PHK bagi setiap fasa adalah seperti dalam **Jadual 13**.

**JADUAL 13
APK DAN PHK BAGI SEMUA FASA PROJEK**

| FASA | HARGA KONTRAK (RM Juta) | APK | | | PHK | | | KOS AKHIR (RM Juta) | PENINGKATAN/ (PENGURANGAN) KOS AKHIR | |
|---------------|-------------------------|------------|--------------------|--------------------|------------|--------------------|--------------------|---------------------|--------------------------------------|------------|
| | | BIL. | TAMBAHAN (RM Juta) | POTONGAN (RM Juta) | BIL. | TAMBAHAN (RM Juta) | POTONGAN (RM Juta) | | JUMLAH (RM Juta) | % |
| 1A | 31.00 | - | - | - | - | - | - | 31.00 | - | - |
| 2A | 13.99 | 5 | 2.43 | - | 13 | 9.44 | 10.49 | 15.37 | 1.38 | 9.9 |
| 2B | 191.00 | 76 | 18.63 | 0.51 | 19 | 2.06 | 9.58 | 201.60 | 10.60 | 5.6 |
| 3A | 22.59 | 21 | 1.27 | 0.21 | 24 | 2.10 | 4.16 | 21.59 | (1.00) | 4.4 |
| *3B | 181.58 | 63 | 21.34 | 14.05 | 65 | 13.54 | 25.91 | 176.50 | (5.08) | 2.8 |
| 2C(i) | 1.46 | 6 | 0.14 | 0.20 | 5 | - | 0.06 | 1.34 | (0.12) | 8.2 |
| JUMLAH | 441.62 | 171 | 43.81 | 14.97 | 126 | 27.14 | 50.20 | 447.40 | 5.78 | 1.3 |

Sumber: APK, PHK

Nota: (*) - Dalam Penyediaan Akaun Muktamad Projek

Maklum balas JKR yang diterima pada 30 Mei 2022

Perakuan Muktamad disediakan lewat kerana terdapat tuntutan kerugian dan perbelanjaan tambahan akibat pelanjutan masa No.1 hingga No.4 oleh kontraktor. Kelulusan Jawatankuasa Tuntutan diperolehi pada 7 Oktober 2021. Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad hanya dapat disediakan pada 9 Feb 2022. Dokumen tersebut telah dimajukan ke Bahagian Kewangan pada 11 Mac 2022 bagi tujuan bayaran. Sehingga 30 April 2022, sejumlah RM473.72 juta (76%) telah dibelanjakan daripada RM626.10 juta peruntukan terkini. Peningkatan kos dalam fasa 2B adalah disebabkan keperluan baharu pihak pelanggan dalam pembangunan sistem ICT bagi memastikan kelancaran pengoperasian pejabat dan persidangan Parlimen.

Maklum balas Parlimen yang diterima pada 30 Mei 2022

Bagi fasa 3B, Sijil Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad (Borang JKR 66A) telah ditandatangani oleh PP pada 9 Februari 2022 dengan bayaran muktamad sebanyak RM260,907.73. Kelulusan Unit Perancang Ekonomi (UPE) telah diperolehi pada 13 Mei 2022 bagi tujuan pewujudan semula butiran projek bagi tujuan bayaran muktamad untuk fasa 3B.

Pendapat Audit | **Perbelanjaan projek adalah terhad kepada kos siling yang diluluskan. Perubahan kerja telah menjadi penyumbang kepada peningkatan kos projek.**

5.2.2. Pengurusan Nilai

- a. Pelaksanaan VM dalam perancangan projek dan program Kerajaan merupakan satu mekanisme untuk mencapai *value for money*. Pekeliling UPE, JPM Bilangan 3 Tahun 2009 telah dikeluarkan supaya semua projek bernilai RM50 juta dan ke atas perlu melalui proses VM.
- b. Pekeliling PK2.3, Mekanisme Kawalan Pengurusan Projek Pembangunan Fizikal Kerajaan Persekutuan berkuat kuasa 15 September 2016 dikeluarkan sebagai langkah tambahan dalam mengawal perbelanjaan pembangunan Kerajaan. Sebarang pelarasan peruntukan dan perubahan skop kerja yang melibatkan peningkatan kos dalam sesuatu projek perlu dikawal dan perbelanjaan pembangunan perlu mengikut peruntukan asal yang telah diluluskan. *Notice of Change* (NOC) yang melibatkan penambahan kos, perubahan lokasi dan pertukaran projek adalah tidak dibenarkan.
- c. Semakan Audit mendapati sebanyak dua makmal VM telah dilaksanakan melibatkan pihak Parlimen, JKR dan UPE pada tahun 2012 dan 2018. Makmal VM kali pertama melibatkan penentuan skop projek yang perlu disiapkan sehingga tahun 2016 dan agihan kos siling bagi semua fasa manakala kali kedua melibatkan semakan semula kos dan pelarasan skop kerja untuk fasa 2C sahaja.
- d. Sepanjang tempoh 2011 hingga 2021, terdapat perubahan skop dan pelarasan peruntukan pada fasa masing-masing daripada kos asal berjumlah RM520 juta kepada RM626.10 juta. Peningkatan kos ini melibatkan perubahan pada skop teknikal, logistik dan permintaan pelanggan seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
PERUBAHAN DAN PELARASAN KOS SILING PROJEK
BAGI TEMPOH 2011 HINGGA 2021

| BIL. | FASA | TAHUN | BUTIRAN PERUBAHAN | JUSTIFIKASI | AMAUN (RM Juta) |
|---------------|------------|-------|---|--|-----------------|
| 1. | Semua Fasa | 2011 | Kelulusan kos siling projek. | Kelulusan asal MJM. | 520.00 |
| 2. | Semua Fasa | 2012 | Penjimatan kos siling projek selepas makmal VM kali pertama kepada RM519.90 juta. | Agihan semula kos siling bagi setiap fasa berdasarkan skop kerja yang telah diluluskan dalam VM. | (0.10) |
| 3. | 2B | 2017 | Peningkatan harga siling projek daripada RM200 juta kepada RM221.10 juta. | Perubahan kerja atas sebab teknikal dan logistik melibatkan kos tambahan RM80 juta yang diluluskan dalam MJM. | 21.10 |
| 4. | 3A dan 3B | | Pengurangan kos siling fasa 3. | | (7.00) |
| 5. | 2C | | Peningkatan harga siling projek daripada RM40 juta kepada RM106 juta. | | 66.00 |
| 6. | 2C | 2019 | Peningkatan dan kos siling projek daripada RM106 juta kepada RM132.10 juta. | Keperluan skop terkini dan pihak berkuasa tempatan dengan kos tambahan RM26.10 juta yang diluluskan oleh MEA. | 26.10 |
| JUMLAH | | | | | 626.10 |

Sumber: Surat Kelulusan Pelarasan Kos Siling JPM/Parlimen/JKR

- e. Semakan Audit selanjutnya mendapati skop fasa 2C yang terdiri daripada fasa 2C(i) dan 2C(ii) telah mengalami perubahan skop dan kos siling yang signifikan berbanding VM tahun 2012. Perubahan skop ini melibatkan peningkatan keseluruhan kos siling fasa 2C berjumlah RM92.10 juta.
- f. Perubahan skop fasa 2C meliputi keperluan kerja-kerja baharu dan sedia ada melibatkan skop kerja seperti berikut:
- i. Pembinaan tempat letak kereta bertingkat;
 - ii. Kerja-kerja naik taraf dan ubah suai di Blok Menara;
 - iii. Kerja-kerja ubah suai di sebahagian blok Pejabat Pentadbiran Sementara dan Pejabat Sementara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri (PM) dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri (TPM); dan
 - iv. Semakan semula anggaran kos kerja pembinaan yang terkini dan mengambil kira *Occupational Safety & Health*, Sistem Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan & Sistem Pengurusan Aset, *Protection of Existing Utilities*, serta keperluan agensi *Forest Research Institute Malaysia*.
- g. Selanjutnya, semakan Audit turut mendapati pertambahan kos siling berjumlah RM26.10 juta kepada RM626.10 juta bagi menampung kekurangan peruntukan dalam fasa 2C(ii) **hanya diluluskan di peringkat Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA)**. Tiada kelulusan yang diperolehi daripada pihak melulus asal iaitu MJM bagi kenaikan kos siling berkenaan yang telah melebihi

RM600 juta selaras dengan Perenggan 4.1.1. Arahan Setiausaha Jemaah Menteri Tahun 2008.

Maklum balas JKR yang diterima pada 30 Mei 2022

Penambahan skop melibatkan kerja-kerja seperti naik taraf dan baik pulih Blok Menara, *Linkway*, *Terowong Service* dan tempat letak kereta Zon D. Selain itu, kerja-kerja ubah suai Dewan Persidangan sementara untuk dijadikan Pejabat YAB PM dan YAB TPM, pejabat sementara bagi penempatan pejabat dari Blok Menara dan Galeri Parlimen serta kerja-kerja baharu seperti pembinaan blok tempat letak kereta baharu, bilik kawalan keselamatan, pondok pengawal ii, laluan pejalan kaki dan laluan masuk khas bagi pelawat.

Maklum balas JPM yang diterima pada 22 Jun 2022

Merujuk kepada surat rujukan EPU.S.61-100/168/1 Jld 4(31) bertarikh 21 Jun 2022, peningkatan kos bagi Projek Naik Taraf dan Baik Pulih Bangunan Parlimen fasa 2C telah diluluskan oleh UPE, JPM. Selaras dengan AP 43 hingga 47, kuasa menimbang dan membuat keputusan permohonan projek pembangunan termasuk perubahan kos dan skop adalah dibawah tanggungjawab Ketua Pengarah UPE, JPM sebagai Agensi Pusat.

Pendapat Audit | **Perubahan skop yang signifikan dalam makmal VM memberi kesan kepada peningkatan keseluruhan kos projek.**

5.2.3. Pengurusan Perolehan dan Kontrak

Semua perolehan projek kerja utama yang dilaksanakan secara konvensional dalaman diuruskan oleh agensi pelaksana iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR). Pengurusan perolehan tender diuruskan mengikut tatacara perolehan tender kerja dan peraturan yang berkuat kuasa. Perolehan projek bagi setiap fasa diuruskan secara tender kecuali bagi fasa 1A yang dijalankan secara perbelanjaan darurat (AP55) dan fasa 2B yang dijalankan secara tender terhad di peringkat permulaan dan dimuktamadkan melalui rundingan terus dengan kontraktor.

5.2.3.1. Dokumen Kontrak Lewat Disempurnakan

- a. PK4.1 dan PK4.2, Pekeliling Perbendaharaan menyatakan kontrak hendaklah ditandatangani selewat-lewatnya empat bulan daripada tarikh SST. Sebarang perubahan dan pelanjutan tempoh kontrak diluluskan oleh pihak berkuasa melulus tender asal. Kontrak tambahan perlu disempurnakan dalam tempoh

dua bulan selepas surat pemakluman perubahan kontrak dikemukakan kepada syarikat sekiranya berlaku perubahan kepada syarat kontrak asal.

- b. Semakan Audit terhadap satu kontrak pembekalan perabot mendapati kontrak telah ditandatangani melebihi tempoh empat bulan daripada tarikh SST dikeluarkan iaitu pada 21 Jun 2019. Tarikh akhir kontrak sepatutnya disempurnakan adalah pada 20 Oktober 2019. Walau bagaimanapun kontrak telah ditandatangani pada 26 Disember 2019 **dengan tempoh kelewatan adalah 67 hari.**
- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati dua kontrak tambahan bagi pembekalan perabot telah **lewat disempurnakan antara 14 hingga 90 hari** selepas tarikh kelulusan Lembaga Perolehan dan surat pemakluman dikemukakan kepada syarikat bagi pertukaran spesifikasi asal. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 15.**

JADUAL 15
KONTRAK TAMBAHAN LEWAT DISEMPURNAKAN

| PEMBEKAL (No. Daftar Syarikat) | KEPUTUSAN LEMBAGA PEROLEHAN | *KONTRAK TAMBAHAN DISEMPURNAKAN | | |
|-----------------------------------|-----------------------------------|---------------------------------|----------------|----------------------------------|
| | | SEPATUTNYA** (a) | SEBENAR (b) | KELEWATAN (Hari) (b) – (a) |
| 893454-W | 28.11.2019 | 27.01.2020 | 10.02.2020 | 14 hari |
| 478047-H | 19.12.2019 | 18.02.2020 | 19.05.2020 | 90 hari |

Sumber: Kontrak Tambahan Pembekal

- Nota: (*) - Tarikh Kontrak Tambahan Sepatutnya Dalam Tempoh Dua Bulan Dari Tarikh Makluman (Pihak Audit Mengambil Tarikh Keputusan Lembaga Perolehan Disebabkan Surat Makluman Tiada)
(**) - Tarikh Kontrak Disempurnakan Merujuk Kepada Tarikh Kontrak Dimeterai

Maklum balas JKR yang diterima pada 30 Mei 2022

Bagi kontrak syarikat pembekalan yang lewat disempurnakan, JKR telah sedaya upaya memastikan perjanjian kontrak disempurnakan seperti mana tempoh yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, terdapat kelewatan disebabkan perjanjian kontrak yang masih belum sempurna yang perlu diselaraskan dan dimuktamadkan. Dua perjanjian tambahan yang lewat disempurnakan pula adalah disebabkan dokumen perjanjian tambahan tersebut lambat dikemukakan oleh pembekal bersekali dengan setem hasil.

5.2.3.2. Tiada Tindakan Penalti Atas Kelewatan Pembekalan

- a. Merujuk PK4.2, Pekeliling Perbendaharaan syarikat bertanggungjawab untuk melaksanakan pembekalan dalam tempoh yang telah ditetapkan dalam kontrak. Sekiranya berlaku kemungkiran terhadap kontrak, Kerajaan boleh mengambil tindakan sama ada denda, tolakan, tuntutan ganti rugi, atau/dan penamatan.
- b. Semakan Audit terhadap empat kontrak pembekalan perabot berjumlah RM7.57 juta mendapati tiada klausa denda/penalti dalam kontrak dan SST yang disediakan oleh pentadbir kontrak. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 16**.

JADUAL 16
TIADA KLAUSA DENDA/PENALTI DALAM KONTRAK PEMBEKALAN

| FASA | NO. KONTRAK | SYARIKAT (NO. DAFTAR SYARIKAT) | TARIKH KONTRAK | SKOP | AMAUN (RM Juta) |
|---------------|-------------------------------|--------------------------------------|-------------------|---|--------------------|
| 3B | PERS/BAM/(8) 2779 / 9-2019 | 180301-U | 26.12.2019 | Pembekalan Perabot Kayu | 0.88 |
| | PERS/BAM/(49)2819/ 49-2019 | 893454-W | 10.12.2019 | Pembekalan Perabot Kayu Eksklusif | 2.79 |
| | PERS/BAM/(11)2781/ 11-2019 | 478047-H | 05.12.2019 | Pembekalan Perabot Logam | 3.47 |
| | PERS/BAM/(49)2819/ 49-2019 | 151373-H | 26.12.2019 | Pembekalan Perabot Fabrik | 0.43 |
| JUMLAH | | | | | 7.57 |

Sumber: Dokumen Kontrak

- c. Semakan Audit selanjutnya terhadap satu kontrak pembekalan perabot PERS/BAM/(8)2779/9-2019 berjumlah RM876,321.75 mendapati berlaku **kelewatan pembekalan walaupun EOT telah diberikan** kepada pihak syarikat. Tempoh kontrak adalah selama tiga bulan bermula 1 Julai 2019 hingga 30 September 2019. Kelulusan EOT pertama adalah hingga 5 November 2019 manakala EOT kedua sehingga 20 Disember 2019.
- d. Bagaimanapun, pihak kontraktor masih gagal membekalkan perabot disebabkan tidak berupaya untuk membekalkan perabot mengikut spesifikasi asal. Ini kerana kuantiti di dalam pasaran tempatan tidak mencukupi dan mengambil masa yang lama untuk diimport. Seterusnya, pihak JKR telah mengeluarkan kontrak tambahan selepas mengambil kira kelulusan perubahan spesifikasi perabot. Tempoh pembekalan mengikut spesifikasi baharu dilanjutkan sehingga 14 Januari 2020.
- e. Merujuk kepada Laporan Status Pembekalan Perabot bertarikh 21 Januari 2020, pihak Audit mendapati status pembekalan telah mencapai 98.1%.

Sembilan item yang masih belum dibekalkan sehingga tamat tempoh kontrak adalah seperti dalam **Jadual 17**.

JADUAL 17
ITEM YANG BELUM DIBEKALKAN SEHINGGA 21 JANUARI 2020

| ITEM | KOD ITEM (Set) | BILANGAN (Unit) | TARIKH AKHIR PEMBEKALAN | PENEMUAN |
|---------------|----------------|-----------------|-------------------------|--|
| Meja Netbox | K15 | 1 | 14.01.2020 | Item perabot belum dihantar dan telah mengalami kelewatan berbanding tarikh akhir pembekalan mengikut kontrak. |
| Coat Hanger | K21 | 6 | | |
| Coat Hanger | K22 | 1 | | |
| Almari | | 1 | | |
| JUMLAH | | 9 | | |

Sumber: Status Pembekalan Perabot Bertarikh 21 Januari 2020.

Nota: (*) - Dua Kabinet Rendah Tiada Dalam Status Laporan Status

- f. Semakan selanjutnya mendapati **tiada denda dikenakan ke atas** pembekalan perabot yang lewat disempurnakan daripada tarikh yang sepatutnya. Ini kerana SST dan kontrak yang disediakan tidak mempunyai klausa denda/penalti yang boleh dikenakan kepada pembekal atas kegagalan mematuhi syarat-syarat kontrak.

Maklum balas JKR yang diterima pada 24 Jun 2022

Berdasarkan SST yang dikeluarkan kepada kontraktor, JKR tidak memasukkan klausa denda/penalti kerana pihak Kerajaan masih boleh bersandarkan pesanan bekalan perabot boleh dibatalkan sekiranya pembekal lewat membuat penyerahan perabot. Bagaimanapun, penamatan kontrak bekalan tidak dibuat kerana pada tarikh tamat tempoh lanjutan bekalan, pembekal masih melaksanakan bekalan secara berperingkat sehingga selesai bekalan pada 30 Mac 2020. Sekiranya JKR menamatkan bekalan perabot tersebut, JKR perlu melaksanakan proses perolehan semula tender bekalan perabot yang dijangka akan mengambil masa dan seterusnya menjejaskan kemajuan kerja kontraktor utama di tapak bina. Sekiranya ini berlaku maka pihak kontraktor boleh menuntut kerugian dan perbelanjaan tambahan disebabkan lanjutan masa yang telah diberikan dan akan merugikan pihak Kerajaan.

Pendapat Audit | **Kelemahan dalam pengurusan kontrak menjejaskan hak dan kepentingan Kerajaan.**

5.2.4. Tadbir Urus Pembangunan Sistem ICT

Tadbir urus pembangunan sistem ICT adalah berpandukan pekeliling/peraturan dan garis panduan yang telah dikeluarkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan

Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dan MoF bagi memastikan pengurusan dan pelaksanaan pembangunan sistem ICT mencapai objektif yang telah ditetapkan. Pembangunan sistem ICT mempunyai pelbagai peringkat dan antaranya kelulusan dasar di peringkat jawatankuasa teknikal dan pemandu ICT, pengurusan perolehan ICT melibatkan perancangan hingga pemantauan projek ICT, pengurusan dan dasar keselamatan ICT dan penyenggaraan sistem ICT.

5.2.4.1. Perolehan Skop ICT Tidak Mengikut Keputusan JTICT

- a. Merujuk Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bilangan 3 Tahun 2013, secara dasarnya semua perolehan ICT perlu dirujuk dan mempunyai kelulusan teknikal daripada Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Agensi, JPICT Kementerian dan Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT) MAMPU, JPM selaras dengan Surat Pekeliling Am semasa dan pekeliling MAMPU yang berkuat kuasa.
- b. Permohonan kebenaran kepada MAMPU bagi pelaksanaan skop ICT di bawah fasa 2B, fasa 2C dan fasa 3 telah dikemukakan pada 9 Julai 2012. Keputusan Mesyuarat JTICT Bilangan 14 Tahun 2012 yang bersidang pada 14 Disember 2012 adalah seperti berikut:
 - i. Tender perolehan ICT dan projek fizikal perlu dibuat secara berasingan bagi mendapatkan nilai terbaik kepada Kerajaan.
 - ii. Parlimen Malaysia dinasihatkan untuk melaksanakan *Information Security Management System* di peringkat awal pelaksanaan projek ini.
 - iii. Disarankan untuk mendapatkan khidmat rundingan daripada Pasukan Perunding ICT MAMPU bagi tempoh jangka pendek pelaksanaan projek.
 - iv. Dinasihatkan untuk menggunakan perkhidmatan talian 1Gov*Net.
 - v. Memastikan data migrasi diambil kira dalam pelaksanaan projek ini.
- c. Pihak Audit mendapati skop kerja pembangunan sistem ICT telah ditawarkan secara **pakej melalui rundingan terus** dengan kelulusan MoF kepada kontraktor 120265-P pada 27 Jun 2014. Pihak kontraktor sendiri telah menamakan dan mengesahkan syarikat 797485-K sebagai sub-kontraktor domestik pada 7 Oktober 2014. Nilai skop kerja ICT yang ditawarkan berjumlah **RM43 juta (22.5%) daripada RM191 juta** nilai asal kontrak projek fasa 2B.
- d. Semakan selanjutnya turut mendapati skop kerja melibatkan komponen rangkaian ICT dan sistem dewan persidangan juga dibuat secara berasingan

mengikuti fasa projek masing-masing. Secara keseluruhan analisis skop kerja ICT bagi fasa yang telah siap adalah seperti dalam **Jadual 18**.

JADUAL 18
SKOP KERJA ICT MENGIKUT FASA

| BIL. | FASA | SKOP KERJA | KAEDAH PEROLEHAN | NILAI SKOP KERJA | | | |
|---------------|------|---|---|----------------------------|-------------------------|----------------------------|-------------|
| | | | | SKOP KONTRAK (RM Juta) (a) | KOS AKHIR (RM Juta) (b) | VARIAN (RM Juta) (b) – (a) | % |
| 1. | 1A | Pemindahan Sistem Persidangan Dewan sedia ada ke Blok Dewan Persidangan Sementara. | Perbelanjaan Darurat (AP55) | 3.57 | 3.57 | - | - |
| 2. | 2B | <ul style="list-style-type: none"> • Pembangunan Sistem Dewan Persidangan • Pembangunan Sistem Aplikasi e-Parlimen • Rangkaian Komputer • Pemindahan Pusat Data | Pakej Dalam Rundingan Terus kepada Kontraktor | 43.00 | 52.18 | 9.18 | 21.3 |
| 3. | 3B | <ul style="list-style-type: none"> • Rangkaian Komputer • Tambahan Sub-komponen Sistem Dewan Persidangan di Blok Ahli Parlimen dan Pentadbiran. | Sub-Kontraktor Dinamakan (NSC) | 4.70 | 5.54 | 0.84 | 17.9 |
| JUMLAH | | | | 51.27 | 61.29 | 10.02 | 19.5 |

Sumber: Dokumen Kontrak dan *As Completed Detailed Abstract*

- e. Selain itu, pihak Audit turut mendapati rangkaian pembangunan sistem ICT Parlimen Malaysia **tidak menggunakan perkhidmatan 1Gov*Net** seperti dalam ulasan JTICT. Sebaliknya hanya perkhidmatan ini terhad kepada penggunaan sistem yang melibatkan kewangan (iGFMAS) sahaja menggunakan 1Gov*Net.

Maklum balas JKR yang diterima pada 30 Mei 2022

Merujuk kepada Minit Mesyuarat Strategik Pelaksanaan perolehan fasa 2B bertarikh 21 Januari 2013 bersetuju untuk projek ini dilaksanakan secara pakej atas sebab koordinasi bagi skop ini adalah kritikal dan bertanggungjawab berpusat. MoF bersetuju meluluskan harga yang dipersetujui dan diperakukan oleh JKR dengan syarikat berjumlah RM191 juta pada 16 Jun 2014.

Maklum balas Parlimen yang diterima pada 30 Mei 2022

Skop langganan perkhidmatan internet sesuatu agensi adalah di bawah tanggungjawab agensi masing-masing dan tertakluk kepada polisi dan peraturan semasa Kerajaan yang berkuat kuasa. Terdapat yuran langganan yang dikenakan dan ia termasuk dalam kos operasi agensi.

5.2.4.2. Kelemahan Reka Bentuk Sistem ICT

- a. Merujuk kepada Garis Panduan Kejuruteraan Sistem Aplikasi Sektor Awam yang dikeluarkan oleh MAMPU pada tahun 2019, Spesifikasi Reka Bentuk Sistem [System Design Specifications (SDS)] adalah penerangan terperinci berkenaan reka bentuk arkitektur, fungsi sistem, pangkalan data, migrasi data dan integrasi sistem bagi sistem aplikasi yang akan dibangunkan. Dokumen SDS merupakan dokumen yang disediakan sebagai panduan utama kepada pasukan pengaturcara kepada seni bina dan reka bentuk setiap sistem aplikasi.
- b. Semakan Audit mendapati syarikat 588252-D telah dilantik sebagai perunding ICT untuk fasa 2B dan 2C secara lantikan terus pada 11 Disember 2013 dengan nilai kontrak berjumlah RM2.65 juta. Skop perkhidmatan perunding melibatkan reka bentuk sistem ICT fasa 2B dan 2C sehingga tempoh tanggungan kecacatan (fasa 2B sahaja). Reka bentuk sistem ICT yang dilaksanakan adalah berdasarkan input dan keperluan semasa pelanggan dan telah diterjemahkan ke dalam dokumen *User Requirement System* (URS) dan *System Requirement Specification* (SRS).
- c. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati terdapat kelemahan dalam reka bentuk sistem yang telah dibangunkan seperti berikut:

i. Modul Pentadbir

- Berdasarkan SRS, modul ini digunakan untuk mendaftar dan menguruskan akaun pengguna sistem. Setiap pengguna dibekalkan satu unik *User Identification* (ID) dengan had 30 aksara dalam bentuk abjad/nombor/symbol (alfanumerik). Setiap ID yang diwujudkan perlu pengesahan nombor kad pengenalan pengguna dengan had akses kepada maksimum empat modul mengikut peranan yang diberikan.
- Semakan Audit terhadap 184 ID Pengguna mendapati 94 (51.1%) ID pengguna telah disahkan dengan rekod pendaftaran maklumat pengguna sistem e-Parlimen. Bagaimanapun, terdapat **90 (48.9%) daripada 184 ID Pengguna tidak dapat disahkan status perkhidmatan/maklumat peribadi.**
- Semakan Audit selanjutnya mendapati 54 daripada 90 ID pengguna tersebut terdiri daripada 43 pengguna berstatus 'Aktif' manakala 11 pengguna berstatus 'Aktif' dan mempunyai log transaksi antara bulan Jun hingga Disember 2021. Berikut merupakan sampel ID Pengguna yang tidak dapat disahkan seperti dalam **Jadual 19**.

JADUAL 19
ID PENGGUNA YANG TIDAK DAPAT DISAHKAN

| BIL. | PENGGUNA SISTEM | | STATUS ID | LOG TRANSAKSI KEMAS KINI |
|------|-----------------|--------------------|-----------|--------------------------|
| | ID PENGGUNA | NO. KAD PENGENALAN | | |
| 1. | SUPERADMIN | 999999881985 | Aktif | - |
| 2. | PAR-Kesihatan | 999999999998 | Aktif | - |
| 3. | PAR-KPDNKK | 999999999999 | Aktif | - |
| 4. | pelapor | 999999881989 | Aktif | - |
| 5. | hsd_hajar531 | hsd_hajar531 | Aktif | Ada |

Sumber: Pangkalan Data Sistem e-Parlimen

- Semakan selanjutnya turut mendapati pendaftaran menggunakan nombor kad pengenalan *dummy* adalah untuk ID Pengguna kedua. Ini bertujuan untuk mendapat capaian akses kepada modul lain bagi menjalankan kerja dalam menguruskan hal berkaitan persidangan dewan.

ii. Modul Maklumat Ahli Dewan

- Modul ini digunakan untuk mendaftar dan mengemas kini maklumat Ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Maklumat yang perlu dilengkapkan dalam sistem meliputi maklumat secara mandatori atau pilihan meliputi maklumat peribadi, kelulusan, pengalaman, kewangan, cukai pendapatan, keanggotaan, kemudahan, penerbitan, penulisan dan pasca perkhidmatan. Status aktif Ahli Dewan akan ditunjukkan dalam sistem manakala Ahli Dewan yang telah tamat tempoh diklasifikasikan sebagai tidak aktif secara automatik oleh sistem.
- Semakan Audit mendapati seramai **10 orang (3.6%) daripada 279 Ahli Parlimen berstatus 'Aktif'** dalam sistem merupakan **Ahli Parlimen yang telah tamat tempoh penggal** pada 7 April 2018 Pilihan Raya Umum Ke-13 yang lalu. Berdasarkan maklumat yang tertera pada sistem, status Ahli Parlimen sepatutnya bertukar kepada 'Tidak Aktif' secara automatik selepas tamat tempoh penggal.
- Selain itu, pihak Audit turut mendapati maklumat yang ditetapkan **sebagai medan mandatori tidak dilengkapkan dan disimpan dalam pangkalan data.** Antara maklumat mandatori yang tidak dilengkapkan dalam sistem e-Parlimen melibatkan empat hingga 158 ahli dewan adalah seperti dalam **Jadual 20.**

JADUAL 20
DATA MANDATORI YANG TIDAK DILENGKAPKAN

| MAKLUMAT | MEDAN SUB MODUL PERIBADI | | MEDAN SUB MODUL ALAMAT RUMAH | | | | MEDAN SUB MODUL PERKHIDMATAN |
|------------------------|--------------------------|-------|------------------------------|--------|--------|--------|------------------------------|
| | BANGSA | AGAMA | ALAMAT | POSKOD | BANDAR | NEGERI | TARIKH MULA BERKHIDMAT |
| Bilangan Ahli Parlimen | 4 | 9 | 9 | 9 | 10 | 10 | 158 |

Sumber: Pangkalan Data Sistem e-Parlimen

iii. Modul e-Kehadiran

- Modul e-Kehadiran digunakan untuk merekodkan kehadiran Ahli Dewan ke persidangan dalam Dewan Rakyat atau Dewan Negara. Perekodan dalam sistem e-Kehadiran dilakukan melalui *log-in* ke dalam komputer riba yang disediakan di atas meja masing-masing dalam dewan persidangan atau secara manual oleh Setiausaha Parlimen atau Bentara Dewan.
- Semakan Audit terhadap 77,656 log transaksi dalam data modul e-Kehadiran bagi tempoh 2017 hingga 2021 mendapati 322 status rekod kehadiran tidak dapat disahkan dengan maklumat peribadi pengguna sistem. Ini melibatkan **tiga ID Pengguna Ahli Dewan tidak dapat dipadankan untuk pengesahan** seperti dalam **Jadual 21**.

JADUAL 21
AHLI DEWAN YANG TIDAK DAPAT DIPADANKAN DENGAN ID PENGGUNA SISTEM

| BIL. | ID PENGGUNA AHLI DEWAN | BIL. REKOD e-KEHADIRAN | | |
|---------------|------------------------|------------------------|--------------|------------|
| | | DEWAN NEGARA | DEWAN RAKYAT | JUMLAH |
| 1. | 771127145799 | 65 | 190 | 255 |
| 2. | 210818110001 | 62 | 4 | 66 |
| 3. | 550114115100 | 0 | 1 | 1 |
| JUMLAH | | 127 | 195 | 322 |

Sumber: Pangkalan Data Sistem e-Parlimen

- Pihak Parlimen menjelaskan bahawa tiga ID Pengguna yang terdapat dalam senarai kehadiran merujuk kepada data pengujian. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan pengguna yang terlibat dalam data pengujian tersebut.
- d. Seterusnya, ulasan Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia (KPPM) semasa sesi penyerahan projek fasa 2B pada 20 Disember 2017 menyatakan URS dan proses *flow* sistem ICT yang disediakan adalah tidak tepat. Ini disebabkan

kegagalan pihak perunding untuk memahami keperluan dan proses kerja pengguna. Selain itu, pengujian yang tidak dijalankan dengan sempurna menjejaskan kualiti sistem ICT yang diterima.

Maklum balas Parlimen yang diterima pada 30 Mei dan 20 Jun 2022

ID kedua pengguna ini diwujudkan kepada pengguna Seksyen Jurubahasa Serentak disebabkan keperluan semasa Parlimen untuk membolehkan mereka mengakses Modul Penyata Rasmi dan Modul Jurubahasa yang keseluruhannya memerlukan peringkat capaian melebihi empat modul/sub-modul. Ini memandangkan peringkat capaian hanya terhad kepada empat modul/sub-modul sahaja dan perbezaan *Internet Protocol Address* untuk capaian ke sistem tersebut. Maklumat mandatori Ahli Parlimen, dikemaskini berdasarkan maklumat yang dikemukakan kepada Bahagian Hal Ehwal Ahli Parlimen (BHEAP). Maklumat tarikh mula perkhidmatan Ahli Parlimen ke-14 telah dilengkapkan.

BHEAP dan Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) telah membuat semakan pada 30 Mei 2022 dalam Sistem e-Parlimen dan mendapati ID Pengguna 771127145799, 210818110001 dan 550114115100 adalah ID Pengguna yang diwujudkan untuk data pengujian. ID tersebut tidak merujuk kepada mana-mana pengguna. Pihak BHEAP telah mewujudkan pasukan kerja pada 27 Mei 2022 untuk menyemak ID Pengguna dan maklumat Ahli Parlimen yang terlibat. Sebagai tambahan, ID Pengguna yang tidak aktif atau tidak diperlukan telah diambil tindakan penyahaktifan/pembatalan oleh pihak BTM.

5.2.4.3. Pelaksanaan Komponen Jaminan, Penyenggaraan dan Khidmat Sokongan

- a. Merujuk SPP Bilangan 3 Tahun 2013, perenggan 2.5 berkaitan perancangan perolehan, perkhidmatan penyenggaraan dan sokongan bagi perkakasan, peralatan, perisian dan aplikasi hendaklah dirancang dan dilaksanakan selepas tamat tempoh jaminan. Agensi perlu memastikan kos penyenggaraan sistem aplikasi tidak dimasukkan dalam kos kontrak projek pembangunan aplikasi.
- b. Semakan Audit terhadap senarai kuantiti (BQ) skop kerja ICT, kontrak fasa 2B mendapati skop dan kerja-kerja bagi komponen Waranti, Khidmat Sokongan dan Penyenggaraan adalah seperti dalam **Jadual 22**.

JADUAL 22
KOMPONEN JAMINAN, PENYENGGARAAN DAN KHIDMAT SOKONGAN
SKOP PEMBANGUNAN SISTEM ICT FASA 2B

| BIL. | NILAI KOS KOMPONEN (RM) | | BUTIRAN SKOP KERJA |
|---|-------------------------|-------------------------|---|
| | TETAP (Tempoh) | LANJUTAN SECARA PILIHAN | |
| KOMPONEN WARANTI (JAMINAN) | | | |
| 1. | 22,470 (24 Bulan) | 22,470 | <ul style="list-style-type: none"> Meliputi semua perkakasan, peralatan, perisian dan aplikasi. Tempoh Jaminan bermula selepas Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) dikeluarkan meliputi perkara berikut: <ul style="list-style-type: none"> Kecacatan dan kerosakan pengeluaran bagi perkakasan dan peralatan. Kesilapan pengaturcaraan dan <i>bug</i> dalam perisian. Kesilapan pengaturcaraan dan <i>bug</i> dalam sistem aplikasi. Lencongan daripada spesifikasi keperluan dan teknikal yang telah dipersetujui. |
| KOMPONEN KHIDMAT SOKONGAN | | | |
| 2. | 321,000 (12 Bulan) | 321,000 | <ul style="list-style-type: none"> Khidmat sokongan terhadap semua perkakasan, peralatan, perisian dan aplikasi selepas CPC dikeluarkan. Meliputi perkhidmatan seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> Khidmat sokongan secara <i>fulltime</i> dan <i>on-site</i> semasa sesi persidangan dewan bagi fungsi-fungsi teknikal. Tindakan balas selesai dalam 1 Jam (kritikal) dan 72 jam (tidak kritikal). Sokongan waktu kerja atas panggilan semasa tiada sidang mana-mana dewan. Meja Bantuan (Helpdesk) disediakan terhadap semua perkakasan, peralatan, perisian dan aplikasi. |
| KOMPONEN KHIDMAT SOKONGAN BANTUAN (HELPDESK) | | | |
| 3. | 57,780 (12 Bulan) | 26,750 | <ul style="list-style-type: none"> Khidmat sokongan terhadap semua perkakasan, peralatan, perisian dan aplikasi selepas CPC dikeluarkan. Meliputi perkhidmatan seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> Khidmat sokongan secara <i>fulltime</i> dan <i>on-site</i> semasa sesi persidangan dewan bagi fungsi-fungsi teknikal. Tindakan balas selesai dalam 1 Jam (kritikal) dan 72 jam (tidak kritikal). Sokongan waktu kerja atas panggilan semasa tiada sidang mana-mana dewan. Meja Bantuan (Helpdesk) disediakan terhadap semua perkakasan, peralatan, perisian dan aplikasi. |
| KOMPONEN PENYENGGARAAN | | | |
| 4. | 117,700 (12 Bulan) | 48,150 | <ul style="list-style-type: none"> Menyediakan penyenggaraan bagi perkara berikut: <ul style="list-style-type: none"> Penyenggaraan pencegahan. Penyenggaraan pembaikan. Penyenggaraan berkala. Tempoh penyenggaraan bermula selepas CPC dikeluarkan. |
| JUMLAH | 518,950 | 418,370 | |

Sumber: Dokumen Kontrak Fasa 2B

- c. Semakan selanjutnya turut mendapati skop kerja jaminan, penyenggaraan dan khidmat sokongan dilaksanakan selepas pengeluaran Sijil Perakuan Pendudukan Separa (CPO) dan CPC. Pelaksanaan skop tersebut

dilaksanakan secara serentak dalam pembangunan sistem mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Tarikh pelaksanaan sebenar skop tersebut seperti dalam **Jadual 23**.

JADUAL 23
PELAKSANAAN SKOP JAMINAN, PENYENGGARAAN DAN KHIDMAT SOKONGAN
MENGIKUT LOKASI

| BIL. | LOKASI DAN TARIKH CPO/CPC DIKELUARKAN | KOMPONEN | TEMPOH PERKHIDMATAN TETAP | | |
|------|---|----------------------------|---------------------------|------------|----------|
| | | | MULA | TAMAT | BULAN |
| 1. | Blok Pejabat Sementara (CPO: 06.03.2015) | Jaminan | 06.03.2015 | 06.03.2016 | 12 Bulan |
| | | Penyenggaraan dan Sokongan | 06.03.2015 | 06.03.2016 | 12 Bulan |
| 2. | Blok Utama & Tingkat 11 Blok Menara (CPO: 28.02.2017) | Jaminan | 28.02.2017 | 28.02.2019 | 24 Bulan |
| | | Penyenggaraan dan Sokongan | 28.02.2017 | 28.02.2018 | 12 Bulan |
| 3. | Dewan Negara (CPO: 31.03.2017) | Jaminan | 31.03.2017 | 31.03.2019 | 24 Bulan |
| | | Penyenggaraan dan Sokongan | 31.03.2017 | 31.03.2018 | 12 Bulan |
| 4. | Sistem e-Parlimen (CPC: 31.07.2017) | Jaminan | 31.07.2017 | 31.07.2019 | 24 Bulan |
| | | Penyenggaraan dan Sokongan | 31.07.2017 | 31.07.2018 | 12 Bulan |

Sumber: Dokumen JKR

- d. Seterusnya, semakan Audit ke atas laporan penyenggaraan pencegahan untuk tempoh 12 bulan mendapati kerja-kerja penyenggaraan dijalankan sebanyak **empat kali iaitu bagi bulan Januari 2018, April 2018, Mei 2018 dan Julai 2018**. Selain itu, pihak Audit turut mendapati pelaksanaan skop ICT bagi lanjutan secara pilihan telah diselaraskan dan dikeluarkan daripada bayaran fasa 2B melalui PHK 17.

Maklum balas JKR yang diterima pada 30 Mei 2022

Jadual BQ ICT bagi projek ini disediakan oleh pihak perunding dengan reka bentuk dilaksanakan secara konvensional perunding. Skop BQ ICT tidak dirujuk kepada MAMPU sebelum pelaksanaan kerana tiada pekeliling yang berkuat kuasa dan tiada dalam amalan proses kerja JKR. Berdasarkan amalan industri, sekiranya skop penyenggaraan tidak dimasukkan dalam kontrak, maka tanggungjawab kerja penyenggaraan adalah tertakluk di bawah pemilik premis.

Selain itu, penyenggaraan berjadual tidak dilaksanakan dari tarikh CPC sehingga Disember 2017 kerana Sistem ICT baru sahaja diserahkan pada 31 Julai 2017 dan berfungsi sepenuhnya dalam keadaan baik dan skop kontrak bagi kerja

penyenggaraan berjadual tidak menetapkan keperluan ianya dilaksanakan dalam tempoh masa tertentu.

5.2.4.4. Perakuan Siap Kerja Dikeluarkan Bagi Skop ICT yang Masih Belum Disempurnakan

- a. Menurut Klausa 39.5, syarat-syarat kontrak, PP bertanggungjawab untuk memperakukan kerja siap dengan mengeluarkan CPC apabila ia telah memenuhi perkara berikut:
 - i. Kerja telah disiapkan mengikut terma dan syarat kontrak.
 - ii. Kerajaan boleh mendapat penggunaan yang penuh walaupun sebahagian baki kerja kecil belum disempurnakan dengan syarat tidak mengganggu penggunaan dan manfaat.
 - iii. Kerja telah lulus ujian pentauliahan menurut terma kontrak.
 - iv. Kerja telah disiapkan dan boleh diduduki.
 - v. Semua keperluan perkhidmatan seperti jalan masuk, landskap, pementasan, sistem bekalan air dan elektrik, lif dan sebagainya telah disiapkan mengikut kontrak.
- b. Merujuk kepada BQ dan Perenggan 6, Seksyen II, Volume 5/M-3 dokumen kontrak, kontraktor perlu menjalankan pengujian mengikut skop dan kaedah yang bersesuaian dan diluluskan oleh Pegawai Penguasa/wakil dilantik. Kontraktor perlu mereka bentuk, melaksanakan, mengendalikan, mendokumentasikan pengujian dan pentauliahan semua perisian dan perkakasan aplikasi, peralatan, pemasangan, pelaksanaan dan pengintegrasian termasuk metodologi, garis masa, prosedur dan surat sokongan pengeluar bagi semua ujian yang dijalankan. Tempoh pengujian penerimaan adalah selama sebulan dalam keadaan beban maksimum mengikut kategori pengguna.
- c. Semakan Audit terhadap pengeluaran CPC fasa 2B mendapati **CPC telah dikeluarkan walaupun terdapat skop sistem ICT yang masih belum disempurnakan**. Skop yang masih belum disempurnakan adalah seperti berikut:
 - i. Ujian Penerimaan Akhir (FAT) bagi pembangunan Sistem e-Parlimen masih belum dilaksanakan sebelum CPC dikeluarkan.

- ii. Log aduan pelanggan berjumlah 135 log berkaitan Modul Dewan Negara dan Pengurusan yang diterima selepas Ujian Penerimaan Sementara (PAT) dijalankan di Dewan Negara belum sempurna dibaiki.
 - iii. Komponen latihan dan pemindahan teknologi berjumlah RM333,625 juga masih belum dilaksanakan sehingga tarikh CPC dikeluarkan.
 - iv. Komponen penyenggaraan masih belum dilaksanakan bagi tiga CPO yang telah dikeluarkan sebelum 31 Julai 2017.
- d. Semakan Audit selanjutnya terhadap laporan pelaksanaan pengujian penerimaan ke atas pembangunan sistem ICT Parlimen mendapati perkara seperti dalam **Jadual 24**.

JADUAL 24
LAPORAN PENGUJIAN PENERIMAAN
PELANGGAN (UAT), SEMENTARA (PAT) DAN AKHIR (FAT)

| BIL. | PENGUJIAN | PENEMUAN AUDIT |
|------|----------------------------------|---|
| 1. | Ujian Penerimaan Pengguna (UAT) | <ul style="list-style-type: none"> • UAT telah dilaksanakan sebanyak dua kali kitaran iaitu pada bulan Januari 2017 dan Julai 2017 (keperluan baharu pengguna). • UAT ini melibatkan penerimaan pengguna bagi semua keperluan aplikasi sistem. |
| 2. | Ujian Penerimaan Sementara (PAT) | <ul style="list-style-type: none"> • PAT dilaksanakan melalui kaedah simulasi dewan yang telah dilaksanakan pada 24 hingga 27 Januari 2017 (Dewan Rakyat) dan 21 hingga 24 Julai 2017 (Dewan Negara). • Berdasarkan laporan PAT, sebanyak 135 log aduan pelanggan telah dikeluarkan untuk tindakan pembedulan dalam modul-modul di bawah Dewan Negara dan Pengurusan. |
| 3. | Ujian Penerimaan Akhir (FAT) | Tiada laporan FAT dikeluarkan untuk mengesahkan kerja-kerja pengujian sistem ICT yang telah dijalankan sehingga 31 Julai 2017. |

Sumber: Laporan Pengujian

- e. Semakan Audit seterusnya mendapati Sistem Persidangan Dewan telah digunakan secara *go live* dalam Persidangan Dewan Rakyat pada 6 Mac hingga 6 April 2017 dan Persidangan Dewan Negara pada 17 hingga 27 April 2017. Pegawai Penguasa (PP) telah mengeluarkan CPO masing-masing pada 28 Februari 2017 dan 31 Mac 2017 untuk kegunaan persidangan Dewan Rakyat dan Dewan Negara atas permintaan pelanggan. Keseluruhan skop kerja sistem ICT termasuk sistem aplikasi e-Parlimen diperakukan siap dan dikeluarkan sijil CPC pada 31 Julai 2017.
- f. Keputusan PP untuk pengeluaran CPC adalah berdasarkan surat daripada pihak perunding bertarikh 31 Julai 2017 yang mengesahkan skop kerja ICT telah siap mengikut reka bentuk dan spesifikasi seperti yang dinyatakan dalam kontrak. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati **tiada laporan Ujian Penerimaan Akhir (FAT) bagi sistem ICT yang mengesahkan** kedua-dua sistem telah siap sepenuhnya mengikut kriteria dan prosedur yang telah ditetapkan dalam syarat kontrak.

- g. Selanjutnya, pihak Kontraktor juga telah memberi komitmen melalui surat aku janji bertarikh 31 Julai 2017 juga untuk menyelesaikan 135 aduan pelanggan dalam Sistem e-Parlimen pada bulan Disember 2017. Semua log aduan berikut berjaya diselesaikan selepas enam bulan daripada tarikh CPC dikeluarkan. Skop latihan dan pemindahan teknologi dan kerja-kerja penyenggaraan dan khidmat sokongan telah dilaksanakan dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP).
- h. Pihak Parlimen juga telah mewujudkan pasukan khas pada 13 Februari 2018 bagi menyelesaikan isu-isu berbangkit dalam sistem ICT. Penyelesaian isu ini telah dilaksanakan melalui verifikasi pelanggan pada bulan Februari dan Mac 2018.

Maklum balas JKR yang diterima pada 30 Mei 2022

Berdasarkan semakan kontrak dan penjelasan perunding ICT, FAT boleh dilaksanakan apabila kesemua *exit criteria* PAT dipenuhi. Melalui surat perunding di atas juga telah menyatakan bahawa semua skop kerja ICT telah disiapkan mengikut reka bentuk dan spesifikasi yang dinyatakan di dalam kontrak. Ini memberi maksud yang sama dengan objektif sesuatu FAT dikeluarkan. Dalam konteks kontrak ini (kontrak kerja), FAT telah terangkum di bawah pengeluaran Sijil Siap Kerja (CPC) yang telah dikeluarkan oleh pihak JKR.

Memandangkan pelaksanaan kontrak ini secara kontrak kerja, maka tiada sijil khas FAT telah dikeluarkan oleh pihak JKR. Secara dasarnya, tiada lagi kerja-kerja dilaksanakan selepas CPC dikeluarkan dan semua obligasi kontrak telah dipenuhi. Selain itu, sejumlah 135 log aduan pelanggan berkaitan kerja-kerja penambahbaikan telah dipersetujui untuk dilaksanakan dalam tempoh DLP. Sehubungan itu, sesi verifikasi ke atas 135 log tiket tersebut telah selesai dilaksanakan pada 6 Julai 2018.

Pendapat Audit | **Kelemahan tadbir urus pembangunan sistem ICT meliputi perolehan, reka bentuk, pengujian dan pelaksanaan menyebabkan kualiti sistem terjejas dan tidak menjamin integriti data.**

6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

6.1. Secara keseluruhannya, pengurusan Projek Naik Taraf dan Baik Pulih Bangunan Parlimen Malaysia adalah memuaskan dengan enam fasa telah disiapkan dan satu fasa dalam pelaksanaan. Pencapaian projek yang sepatutnya mengambil tempoh enam tahun mengalami kelambatan siap sehingga 14 tahun mengambil kira projek fasa 2C(ii) yang

dijadualkan siap berdasarkan kontrak pada tahun 2025. Selain itu, perubahan skop kerja yang banyak atas permintaan pelanggan dan teknikal turut menyumbang kepada peningkatan kos siling berjumlah RM106.10 juta (20.4%) daripada RM520 juta kepada RM626.10 juta.

6.2. Prestasi kewangan projek juga menunjukkan perbelanjaan sehingga 31 Disember 2021 adalah berjumlah RM468.45 juta (74.8%) berbanding peruntukan terkini berjumlah RM626.10 juta. Selain itu, terdapat kelemahan dari segi pengurusan projek seperti pengurusan nilai, pengurusan kontrak dan perolehan, dan tadbir urus pembangunan sistem ICT dalam kontrak kerja yang memerlukan perhatian daripada pihak pengurusan untuk tindakan penambahbaikan.

7. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan tidak berulang pada masa hadapan, pihak Audit mengesyorkan tindakan seperti berikut:

7.1. JKR perlu memastikan tadbir urus dan pemantauan adalah menyeluruh dan berkesan supaya pelaksanaan projek berjaya dicapai mengikut objektif yang ditetapkan;

7.2. Parlimen dan JKR perlu memastikan pengurusan pembangunan sistem ICT dirujuk kepada pihak yang berautoriti bagi memelihara keperluan, kepentingan dan keselamatan ICT sektor awam; dan

7.3. Parlimen perlu memastikan perolehan aset memfokuskan kepada penggunaan aset yang optimum dan dimanfaatkan sepenuhnya.